

Mhi
Sejak 1982

ملاک هاری این

MELAKA HARIINI

Di mana
Flor de
la Mar? 20



Dapatkan naskah Manifesto
BN untuk PRN Melaka



#prnmelaka2021

Kempen bermula

- Rekod 112 calon rebut 28 kerusi DUN, pertandingan 6 penjuru di 3 DUN
- BN tampil 86 peratus calon muka baharu
- Tubuh daerah Masjid Tanah jika dapat mandat - Sulaiman
- PN tanding kesemua 28 kerusi
- PH kekal ramai muka lama
- SPR benarkan kempen bergerak guna lori, van 2,3&4



SULAIMAN



TEY KOK KIEW

ADLY

AB RAUF

MOHD RAFIQ

MAS ERMIEYATI

SHAMSUL ISKANDAR

16 'kawasan panas'
dipantau

9

Kempen derma darah
kurang sambutan

18

Balas jasa orang Melaka

23

Jimat sebanyak **RM8,000***



Rumah Teres 2 Tingkat

Rumah Mampu Milik • Hak Milik Kekal

SCIENTEX®
DURIAN TUNGGAL

Beli Rumah
Cari Scientex

Harga daripada
RM 180K*

*Soalan maklumat pelan dan spesifikasi adalah tertakluk kepada pindian sepekan yang diberikan oleh pengiklan berkaitan dan tidak menjadikan candaan tawaran atau kontrak.

*Tentu saja pada teman dan ayah. *Gambaran artis sahaja.

IKLAN INI TELAH DIULUSKAN OLEH JABATAN PERUMAHAN NEGARA



06-553 0088

www.scientex.com.my

Pengaruh:
SCIENTEX HEIGHTS SDN. BHD.

Duriyan Tunggal: Pejabat Jualan Scientex Durian Tunggal,
Jalan Simpang Gading, 76100 Durian Tunggal, Melaka, Malaysia.

SCIENTEX
Building. Growing. Succeeding.

PRN Melaka cipta rekod

Mohamad Fazrul Abdul Majid

AYER KEROH – Kesemua calon Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka memulakan kempen selama 12 hari untuk mendapatkan mandat baharu dalam pertandingan yang disifatkan sengit dan menjadi ukuran untuk pilihan raya peringkat nasional nanti.

Hampir 500,000 pengundi akan menentukan siapa kerajaan baharu untuk tempoh lima tahun dalam

PRN ini, yang juga mencipta pelbagai rekod baharu termasuk bilangan calon dan usia calon.

PRN pada 20 Nov ini menyaksikan seramai 112 calon merebut 28 kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN), menjadikan jumlah calon terbesar dalam sejarah, menurut Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR).

Pada Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14) hanya 82 calon bertanding untuk PRN Melaka. Malah, jumlah calon Bebas turut meningkat

dengan 22 individu bertanding kali ini.

Tambah menarik, PRN kali ini turut menjadi medan pertembungan sehingga enam penjuru yang berlaku di tiga kawasan iaitu Gadek, Asahan dan Duyong dan lima penjuru di lima DUN lain iaitu Rembia, Machap Jaya, Paya Rumput, Pengkalan Batu dan Bemban.

Kejutan juga turut berlaku membabitkan calon yang terpilih apabila rata-rata parti menampilkan mukabahar dan calon muda.

Barisan Nasional (BN), misalnya, mempertaruhkan 86 peratus muka baharu, selain turut menamakan calon dari kalangan Pemuda dan Puteri.

Tidak terkecuali, Perikatan Nasional (PN) yang membariskan 43 peratus calon berumur 40 tahun dan kebawah.

Manakala Pakatan Harapan (PH) pulamenciptasejarah apaila menampilkan calon termuda berumur 21 tahun iaitu Farzana Hayani Mohd Nasir di Sungai Ram-

bai.

Malahan, bilangan calon wanita juga menunjukkan peningkatan dengan 16 calon disahkan bertanding membabitkan lima daripada BN, empat PH, enam PN dan satu dari Parti Bumiputera Perkasa Malaysia (Putra).

Tumpuan juga terarah kepada dua calon yang merupakan anak kepada bekas Ketua Menteri Melaka yang ketujuh dan kelapan.

Mereka ialah Zulkiflee Mohd Zin, anak kepada Allahyarham Datuk Seri Mohd

Zin Abdul Ghani; manakala seorang lagi ialah bekas pelakon dan pengarah Datuk Khaidhirah Abu Zahar atau lebih dikenali sebagai Dira Abu Zahar, anak kepada Allahyarham Datuk Seri Abu Zahar Isnin.

PRN Melaka ini turut mencipta sejarah tersendiri apabila buat pertama kalinya tidak dibenarkan berkempen secara fizikal.

Mengikut ketetapan yang diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN), sebarang aktiviti perhimpunan, 'walkabout' atau berkempen dari rumah ke rumah adalah tidak dibenarkan.

Sebaliknya, setiap calon dinasihat memaksimumkan kaedah berkempen secara dalam talian, selain dibolehkan berkempen secara bergerak menggunakan kendaraan yang dipasang pemerasa suara.

Apa yang pasti, PRN Melaka bakal menjadi ujian awal buat semua parti politik di seluruh negara menjelang Pilihan Raya Umum Ke-15 (PRU) 15 yang dijangka pada tahun hadapan.

Diharap sejarah PRN Sabah yang mencetus gelombang ketiga COVID-19 tidak lagi berulang di Melaka sepanjang tempoh berkempen hingga hari mengundi nanti.

Apa yang penting, pengundi mahupun parti politik yang bertanding untuk mengamalkan prosedur operasi standard (SOP) yang telah ditetapkan bagi menekankan penularan wabak COVID-19.

Selamat mengundi warga Melaka!



TIGA calon N04 Lendu, dari kiri, Mohamad Asri Ibrahim (PH-Amanah), Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali (BN-UMNO) dan Abdullah Mahadi(PN-Bersatu) menunjukkan nombor pencalonan selepas selesa menghantar borang penamaan di Kompleks Japerun Lendu.

PRN Melaka: Calon boleh berkempen naik van, lori - SPR

AYER KEROH – Calon-calon Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka dibenarkan untuk berkempen melalui kenderaan yang dipasang pemerasa suara bermula hari pertama kempen pada 8 Nov hingga 11.59 malam, 19 Nov ini.

Pengerusi Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Datuk Abdul Ghani Salih berkata, kenderaan seperti lori atau van itu bagaimanapun hanya boleh keluar mengikut waktu yang ditetapkan dalam permit yang perlu dipohon kepada pihak polis.

Tegasnya, kenderaan itu bagaimanapun tidak dibenarkan berhenti di sepanjang laluan dalam menyampaikan ceramah.

"Calon perlu mendapatkan permit dari pihak polis.

"Tempoh masa dan lokasi



ABDUL GHANI

untuk berkempen adalah tertakluk kepada permit yang diluluskan oleh pihak polis," katanya dalam sidang media selepas penamaan calon di Menara Persekutuan pada 8 Nov.

Dalam pada itu, beliau mene-

gaskan segala ceramah mahupun aktiviti ziarah oleh calon atau penyokong parti ke rumah-rumah pengundi dan aktiviti walkabout adalah tidak dibenarkan sama sekali.

"Calon hanya boleh memaksimumkan kaedah kempen menggunakan medium dalam talian atau melalui saluran media massa dan media sosial."

"Sepanjang tempoh berkempen, calon atau parti hanya dibenarkan untuk membuka satu Bilik Jawatankuasa (Bilik Gerakan Utama) untuk setiap satu DUN."

"Tiada Bilik Gerakan Kecil atau tempat perkumpulan lain bagi calon atau parti dibenarkan," katanya.

Tambahnya, SOP khas yang

"Kita berharap pengundi-pengundi ini dapat keluar mengundi mengikut waktunya yang digalakkan kerana semua sedia maklum kita telah mencadangkan waktunya yang sesuai untuk keluar," katanya.

telah diluluskan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) dan Majlis Keselamatan Negara (MKN) akan dilaksanakan dengan ketat di semua proses penjalanan pilihan raya.

"Ia termasuklah taklimat petugas, proses cetakan dan semakan kertas undi, pengeluaran dan pengiraan kertas undi pos, semakan isi peti undi, sepanjang tempoh berkempen, hari mengundi dan

penjumlahan rasmi undi," katanya. Dalam pada itu, beliau memaklumkan SPR masih mengekalkan sasaran 70 peratus rakyat keluar mengundi pada PRN kali ini.

"Kita berharap pengundi-pengundi dapat keluar mengundi mengikut waktunya yang digalakkan kerana semua sedia maklum kita telah mencadangkan waktunya yang sesuai untuk keluar," katanya.

BN tampil 86 peratus muka baharu

Faiz Hasan

KUALA LUMPUR – Barisan Nasional (BN) mempertaruhkan 86 peratus calon muka baharu manakala hanya empat penyandang dikekalkan bagi bertanding dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Datuk Seri Sulaiman Md Ali, yang juga Ketua Menteri, akan mempertahankan kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Lendu yang dimenangi pada Pilihan Raya Umum Ke 14 (PRU-14).

Selain itu, turut dicalon semula bagi PRN ini ialah penyandang DUN Ayer Molek dan Serkam iaitu Datuk Rahmad Mariman Molek dan Datuk Zaidi Attan.

Penyandang DUN Rembia Datuk Muhammad Jailani Khamis turut terpilih sebagai calon BN meskipun sebelum ini memenangi kerusi itu di atas tiket PKR.

Dalam padai itu, BN turut mencalonkan semula Datuk Abd Razak Abd Rahman bagi kerusi DUN Telok Mas, selain mengekalkan dua penyandang dari MCA Datuk Lim Ban Hong (Klebang) dan Datuk Koh Chin Ann (Bemban).

Tumpuan sudah pasti terarah kepada 21 muka baharu yang bertanding pada PRN kali ini.

Mendahului senarai muka baharu ialah Pengurus BN Melaka, Datuk Seri Ab Rauf Yusoh yang bertanding di DUN Tanjung Bidara, manakala Timbalannya



CALON-CALON BN yang bergambar selepas menandatangani watikah pelantikan di WTC KL. MUZIUM Samudera di Banda Hilir yang kini menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad pula dipilih bertanding di Sungai Udang.

Turut bertanding adalah anak kepada bekas Ketua Menteri kelapan yang juga Ketua Puteri UMNO Jasin, Datuk Khaidhirah Abu Zahar di DUN Rim, manakala anak bekas Ketua Menteri ketujuh, Zulkiflee Mohd Zin di DUN Taboh Naning.

Selain itu dua anak bekas Ahli Dewan Undangan Negeri Melaka turut dipilih sebagai calon BN iaitu Datuk Rais Yasin yang bertanding di DUN Paya Rumput dan Siti Faizah Abdul Azis (Sungai Rambai).

Paling mencuri perhatian ialah pencalonan beberapa calon muda yang menjawat jawatan Pemuda

UMNO Bahagian dan cawangan yang dipilih bertanding pada PRN kali ini.

Senarai itu didahului dengan Ketua Pemuda UMNO Melaka, Fairul Nizam Roslan yang akan bertanding di Asahan, diikuti Naib Ketua yang juga Ketua Pemuda UMNO Jasin, Dr Muhammad Akmal Saleh di Merlimau.

Selain itu, turut terpilih ialah Ketua Pemuda UMNO Kota Melaka Mohd Noor Helmy Abdul Haleem (Duyong).

Senarai lain yang mewakili UMNO ialah Datuk Wira Hasnoor Sidang Husin di Bukit Katil; Datuk Kalsom Nordin (Pengkalan Batu); Zahari Abdul Kalil (Durian Tunggal); Tuminah Kadi (Pantai Kundor); Rosli Abdullah (Kuala

Lingga) dan Hameed Mytheen Kunju Basheer (Ayer Limau).

Sementara itu, parti komponen BN iaitu MCA pula akan mempertaruhkan beberapa muka baharu seperti Benjaminn Low Chin Hong (Kota Laksamana), Lee Kah Sean (Banda Hilir), Ngwe Hee Sem (Machap Jaya) serta calon termuda mewakili BN iaitu Leong Hui Ying, 29 yang akan bertanding di Kesidang.

Satu-satunya calon MCA yang akan dipertaruhkan pada PRN kali ini ialah V P Shanmugam yang akan bertanding di Gadek.

Menurut Pengarah Pilihan Raya BN Datuk Seri Mohamad Hasan, pemilihan ramai mukamukabaharu itu adalah seiring dengan hasrat untuk meremajakan

parti dan gabungan selain transformasi memberi peluang kepada pelapis baharu.

"Kita ketengahkan calon yang sebahagian besarnya berusia di bawah 50 tahun, selain kita juga mengetengahkan lima calon wanita pada PRN kali ini."

"Calon-calon yang dipilih ini terdiri daripada pelbagai latar belakang pendidikan dan profesional yang diyakini dapat diterima rakyat Melaka untuk membina kerajaan negeri yang mantap."

"Jadi, kita berharap pengundi dapat memberikan mandat kepada BN mengemudi kerajaan negeri pada 20 Nov ini," katanya dalam Majlis Pengumuman Calon di Pusat Dagangan Dunia (WTC), di sini, 6 Nov lalu.

Bukan pertandingan siapa popular

Liana Sahabudin

TANJUNG BIDARA - Calon Barisan Nasional (BN), Datuk Seri Ab Rauf Yusoh menegaskan Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka bukan pertandingan individu untuk menunjukkan siapa yang lebih popular.

Beliau sebaliknya berkata, ia adalah pertandingan antara tiga

parti (PN, PH dan BN) yang berbeza ideologi dalam menguruskan rakyat di Negeri Melaka.

"Saingan yang sangat sebenarnya adalah antara parti... antara sebuah parti yang membawa kelestarian rakyat dalam pengurusan kerajaannya dan sebuah parti lagi membawa ideologinya masing-masing, tapi kita melihat ada dua perbezaan

antara dua pentadbiran kerajaan.

"Jadi saya mengatakan sekali lagi bukan pertandingan individu untuk menunjukkan siapa yang lebih popular tetapi merupakan pertandingan antara dua parti yang berbeza ideologi.

"Jadi kita melihat, sudah jelas terbukti peluang yang diberi kepada parti (Pakatan Harapan) yang mengurus tadbir selama 22 bulan dan kita melihat parti BN selama 18 bulan, parti BN menunjukkan kemampuan dalam kita menguruskan rakyat Negeri Melaka dalam tempoh tersebut," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media di kediaman rasmiya selepas menyerahkan borang penamaan calon N02 Tanjung Bidara, hari ini.

Mengulas lanjut, Ab Rauf berkata, mengikut data politik dan sains selepas merdeka sehingga hari ini, rakyat sentiasa memberikan kepercayaan padu kepada BN di Dewan Undangan Negeri (DUN) Tanjung Bidara.

"Keputusan Pilihan Raya Umum Ke-14 (PRU-14) yang lepas, semua (saluran) di DUN Tanjung Bidara mendapat majoriti yang tinggi.

"Kepercayaan rakyat kepada perkhidmatan yang diberikan oleh BN kita dapat merealisasikan dalam pengurusan pentadbiran yang selama ini kita dah berikan kepada rakyat," katanya lagi.

Daerah Masjid Tanah jadi fokus BN



SULAIMAN melambai kepada media selepas selesai menyerahkan borang penamaan calon DUN Lendu.

kaku Maju Jaya 2035.

"Menambah lagi satu pusat pengajian tinggi di Melaka dan perkara lain iaitu pembangunan jaringan jalan raya dari satu daerah ke daerah, kampung ke kampung juga akan dibangunkan dan dalam perancangan kita."

"Dari sudut belia pun sudah ada perancangannya termasuklah memperkasakan dalam bidang e-sukan," katanya.

Beliau berkata selepas proses penamaan calon diadakan di Dewan Kompleks Japerun Lendu, 8 Nov lalu.

Dalam pada itu, beliau berkata, pertembungan tiga penjuru di Lendu pada PRN kali ini disifatkan sebagai satu saingan yang positif.

"Jadi di Lendu (kali ini) tiga penjuru seperti mana kita jangkakan dan saya sempat bersama dua calon lain tadi dan mohon kita berkempen dengan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) yang ditetapkan Majlis Keselamatan Negara (MKN) dan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)."

"Yang boleh hari ini ialah kempen secara maya jadi kita minta perhebatkan dan menguatkan lagi unit-unit media di bawah BN," katanya.



AB RAUF (kanan) melambai kepada pemberita ketika hadir ke Pusat Penamaan Calon DUN Tanjung Bidara.

PH pilih pengalaman, PN pilih orang muda

MELAKA – Pakatan Harapan (PH) dan Perikatan Nasional masing-masing mempunyai strategi tersendiri dalam menghadapi Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov depan.

Selaku gabungan yang berjaya membentuk kerajaan selepas Pilihan Raya Umum ke-14 (PRU 14 lalu), PH boleh dikatakan mengekalkan 90 peratus penyandang kerusi yang dimenangi.

Antaranya, bekas Ketua Menteri Adly Zahari yang bertanding di kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Bukit Katil, selain turut mengekalkan timbalannya, Datuk Mohd Sofi Wahab di Durian Tunggal.

Selain itu, calon DAP juga dikekalkan hampir di kesemua kerusi, kecuali Banda Hilir yang diletakkan calon baharu, Lee Kah Sean menggantikan Pengurus DAP Negeri, Datuk Tey Kok Kiew yang bertukar ke kerusi DUN Bemban.

Calon PKR pula menampilkan beberapa individu berpengalaman seperti Ketua Penerangannya, Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin yang bertanding di Paya Rum-

put, manakala Timbalan Pengurus PKR Negeri, Datuk Gue Teck yang akan terus mempertahankan kerusi Klebang.

Paling mencuri perhatian ialah apabila PH menamakan dua bekas Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) dari Barisan Nasional (BN) iaitu Datuk Seri Utama Idris Haron dan Datuk Nor Azman Hassan yang akan bertanding di Asahan dan Pantai Kundur.

Menurut Pengurus PH Datuk Seri Anwar Ibrahim, secara keseluруhan pengagihan kerusi juga dikekalkan seperti yang dipersetujui PH sebelum ini iaitu 11 kerusi untuk PKR, sembilan bagi Amanah dan lapan DAP.

Katanya, walaupun berlaku perdebatan mengenai nasib dua bekas ADUN BN (Idris dan Nor Azman) sebelum ini, namun beliau percaya tiada lagi isu mengenai perkara tersebut memandangkan kedua-duanya telah diterima sebagai ahli PKR serta Amanah.

"Bagi kami, mereka telah menyertai (parti) kerana itu sudah menjadi persefahaman... yang penting sekarang ini adalah mereka

mewakili PH," katanya pada majlis pengumuman calon PH secara maya 6 Nov lalu.

Sementara itu, PN pula mengambil pendekatan mengetengahkan 43 peratus calon berusia 40 tahun ke bawah yang mana sebahagian besarnya adalah golongan profesional serta berpendidikan tinggi.

Menurut Pengurus PN Tan Sri Muhyiddin Yassin, PN berjanji untuk memberi komitmen untuk berkhidmat sepenuhnya demi kepentingan dan kebaikan rakyat 100 peratus.

"Kita tidak menjajikan bulan dan bintang kepada rakyat, tetapi kita mempunyai komitmen yang tinggi apabila diberikan mandat oleh rakyat, kita mesti melakukan yang terbaik."

"Kami akan laksanakan yang terbaik mengikut keupayaan kami dan pastikan tiada siapa yang ketinggalan di belakang di Melaka ini," katanya.

Antara nama besar yang dinamakan PN ialah Ketua Bersatu Bahagian Masjid Tanah, Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin yang akan bertanding di Tanjung Bidara dan berdepan Pengurus Badan Perhubungan UMNO Melaka Datuk Seri Ab Rauf Yusoh.

Turut bertanding adalah Naib Presiden Bersatu Datuk Mohd Rafiq Naizamohideen yang dipindahkan ke kerusi DUN Telok Mas meskipun memenangi kerusi DUN Paya Rumput pada PRU 14 lalu.

Selain itu, Pesuruhjaya PAS Melaka Datuk Kamaruddin Sidek pula kembali bertanding di kerusi DUN Duyong, manakala Naib Presiden Gerakan yang juga Pengurus Gerakan Negeri Melaka Datuk Seri Micheal Gan Peng Lam bertanding di Ayer Keroh.



PN beri cabaran dengan mengetengahkan calon muda berumur 40 tahun dan ke bawah.



ADLY (tengah) dalam sidang media di Graha Amanah selepas selesai proses penamaan calon pada 8 Nov.

Adly minta media bantu calon PH

Siti Salehah

baru.

BUKIT KATIL - Pakatan Harapan (PH) meminta agar media arus perdana memberi ruang kepada parti itu dalam membantu memperkenalkan calon mereka.

Pengurus PH Melaka, Adly Zahari berkata, memandangkan prosedur operasi standard (SOP) ketat perlu dipatuhi ia menjadi cabaran terbesar gabungan itu dalam menjalankan kempen sepanjang Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Meskipun begitu, beliau berkata, pihaknya akan tetap menjalankan kempen secara bergerak untuk berkempen mengikut SOP ditetapkan, selain menggunakan platform media sosial.

"Kempen rumah ke rumah agak sukar dan himpunan yang (sebelum ini) menjadi medium utama menjadi halangan jadi kita akan memanfaatkan semua ruang yang ada dalam media

"Saya berharap juga media boleh mainkan peranan penting terutamanya media arus perdana untuk memberi ruang lebih banyak kepada calon-calon untuk menyampaikan mesej," katanya pada sidang media di Graha Amanah Melaka, 8 Nov lalu.

Menurut beliau, ruang itu perlu bagi membolehkan masyarakat menerima maklumat dan penerangan hal tuju setiap gerakan politik sebelum membuat keputusan untuk memilih calon mentadbir kawasan dan negeri.

Dalam pada itu, beliau berkata, PH akan melancarkan 'Pelan Tindakan Maju Bersama Harapan' pada Rabu (10 Nov) yang akan diumumkan Pengurus PH Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Jelasnya, pelan tersebut merupakan antara tawaran yang akan diberikan PH kepada rakyat Melaka untuk PRN kali ini.



PERANG bendera oleh Pakatan Harapan sempena PRN Melaka.

PN tawar manifesto berteraskan 'Melaka Prihatin'

Fiqah Jamal

ALAI - Perikatan Nasional (PN) menawarkan manifesto berteraskan 'Melaka Prihatin' yang turut merangkumi pelan pemulihran banjir secara komprehensif di Melaka.

Pengerusi PN Negeri, Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen berkata, manifesto itu akan dilancarkan dalam masa terdekat.

"Dalam manifesto berteraskan Melaka Prihatin kita akan menawarkan pelan pemulihran komprehensif berkaitan masalah banjir di Melaka yang merupakan masalah yang agak lama (sejak) berkurun lama selain (masalah) pengurusan air, di mana Melaka menghadapi masalah yang sebelum ini kita terpaksa mencatuh air.

"Jadi masalah air, banjir



MOHD Rafiq

antara tumpuan selain dari isu-isu lain termasuk untuk masyarakat India, kita beri komitmen bahawa permintaan masyarakat India itu adalah dengan mendapatkan tanah untuk dijadikan rumah abu mayat ini.

"Hal ini sudah agak lama tidak dapat diselesaikan, jadi ini antara permintaan yang tidak

dapat dilaksanakan (sebelum ini)," katanya yang ditemui di Bilik Gerakan PN di Alai, 8 Nov lalu.

Mohd Rafiq yang merupakan calon PN bagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) Telok Mas memaklumkan pihaknya akan turut memberi tumpuan terhadap sektor ekonomi negeri.

Katanya, hal ini penting memandangkan pandemik COVID-19 banyak memberi kesan kepada ekonomi rakyat.

"Sekiranya PN berjaya membentuk kerajaan Melaka, kita akan mendapatkan khidmat atau bekerjasama rapat dengan Pengurus Majlis Pemulihran Negara (MPN), Tan Sri Muhyiddin Yassin.

"Bukan sahaja dari segi ekonomi tetapi kesihatan, pelancongan dan juga pendidikan," katanya.

WAKTU SOLAT						
	SUBUH	SYURUK	ZOHOR	ASAR	MAGHRIB	ISYAK
08 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.55 am	12.57 pm	4.18 pm	6.57 pm	8.09 pm
09 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.55 am	12.57 pm	4.19 pm	6.57 pm	8.09 pm
10 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.55 am	12.57 pm	4.19 pm	6.57 pm	8.09 pm
11 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.55 am	12.57 pm	4.19 pm	6.57 pm	8.09 pm
12 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.55 am	12.57 pm	4.19 pm	6.57 pm	8.09 pm
13 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.55 am	12.58 pm	4.20 pm	6.57 pm	8.09 pm
14 NOVEMBER 2021	5.44 am	6.56 am	12.58 pm	4.20 pm	6.57 pm	8.10 pm



Selamat hari Deepavali

இனிய தீபாவளி நல்வாழ்த்துகள்

— 4 NOVEMBER 2021 —

“Wishing You A Sparkling
Festival Of Lights”

YAB Datuk Seri Utama Haji Sulaiman bin Md Ali
Ketua Menteri Melaka

“KESTABILAN DEMI KEMAKMURAN”



Sulaiman Md Ali



Sulaiman Md Ali Official



sulaiman_mdali_official



Telegram Rasmi Ketua Menteri Melaka

N01 KUALA LINGGI

	Rosli Abdullah	
	Julasapiah Kasim	
	Aziah Mohd Sa'ad	
	Datuk Kamisan Palil	

N02 TANJUNG BIDARA

	Datuk Seri Ab Rauf Yusoh	
	Zainal Hassan	
	Datuk Wira Mas Ermieyati Samsudin	

N03 AYER LIMAU

	Datuk Hameed Mytheen Kunju Basheer	
	Mazenah Baharuddin	
	Dr Nordina Abd Latiff	

N04 LENDU

	Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali	
	Mohamad Asri Ibrahim	
	Mejar (B) Abdullah Mahadi	

N05 TABOH NANING

	Zulkiflee Mohd Zin	
	Zairi Suboh	
	Abu Hashim Abdul Samad	

N06 REMBIA

	Datuk Muhammad Jailani Khamis	
	Zamri Pakiri	
	Zamzuri Arifin	
	K Murali	
	Sabarudin Kudus	

N07 GADEK

	V P Shanmugam	
	G Saminathan	
	Amir Fitri Muharam	
	Norinda Maon	
	Azafen Amin	
	Mohan Singh	

N08 MACHAP JAYA

	Ngwe Hee Sem	
	Law Bing Haw	
	Tai Siong Jiul	
	Abdul Aziz Osani Kasim	
	Azlan Daud	

N09 DURIAN TUNGGAL

	Zahari Abd Kalil	
	Datuk Mohd Sofi Wahab	
	Jaafar Othman	
	Mohd Erfan Mahrilar	

N10 ASAHDAN

	Fairul Nizam Roslan	
	Datuk Seri Utama Idris Haron	
	Dhanesh Basil	
	Mohd Noor Salleh	
	Azmar Ab Hamid	
	Mohd Akhir Ayob	

N11 SUNGAI UDANG

	Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad	
	Hasmorny Tamby	
	Dr Mohd Aleef Yusof	
	Datuk Mohd Zahar Hashim	

N12 PANTAI KUNDOR

	Tuminah Kadi @ Mohd Hasim	
	Datuk Nor Azman Hassan	
	Mohamad Ridzwan Mustafa	

N13 PAYA RUMPUT

	Datuk Rais Yasin	
	Datuk Seri Shamsul Iskandar Mohd Akin	
	Muhammad Faris Izwan Mazlan	
	Mohamad Hashidi Mohd Zin	
	Mejar (B) Mohd Jaini Dimon	

N14 KLEBANG

	Datuk Lim Ban Hong	
	Datuk Gue Teck	
	Bakri Jamaluddin	

N15 PENGKALAN BATU

	Datuk Kalsom Nordin	
	Muhamad Danish Zainudin	
	Azrudin Md Idris	
	Mohd Aluwi Sari	

N16 AYER KEROH

	Yong Fun Juan	
	Kerk Chee Yee	
	Datuk Seri Michael Gan Peng Lam	

N17 BUKIT KATIL

	Datuk Wira Hasnoor Sidang Husin	
	Adly Zahari	
	Muhammad Al Afiz Yahya	
	Abdul Hamid Mustapha	

N18 AYER MOLEK

	Datuk Rahmad Mariman	
	Mohd Rafee Ibrahim	
	Mohd Fadly Samin	
	Ahmad Muaz Idris	

N19 KESIDANG

	Leong Hui Ying	
	Allex Seah Shoo Chin	
	Patrick Ng Chin Kae	

N20 KOTA LAKSAMANA

	Benjamin Low Chin Hong	
	Low Chee Leong	
	Fong Khai Ling	

N21 DUYONG

	Mohd Noor Helmy
--	-----------------

N22 BANDA HILIR

	Lee Kah Sean	
	Leng Chau Yen	
	Clarice Chang Ming Wang	
	Mak Chee Kin	

N23 TELOK MAS

	Datuk Abdul Razak Abdul Rahman	
	Datuk Ashraf Mukhlis Minghat	
	Datuk Wira Mohd Rafiq Naizamohideen	
	Muhammad Ariff Adly Mohammad	

N24 BEMBAN

	Datuk Koh Chin Han	
	Datuk Tey Kok Kiew	
	Dr Mohd Yadzil Yaakub	
	Azmi Kamis	
	Datuk Ng Choon Koon	

N25 RIM

	Datuk Khaidhirah Abu Zahar	
	B Prasanth Kumar	
	Azalina Abdul Rahman	

N26 SERKAM


	Datuk Zaidi Attan	
	Muhammad Khomeini Kamal	
	Ahmad Bilal Rahaudin	
	Norazlanshah Hazali	

N27 MERLIMAU

	Dr Muhamad Akmal Saleh	
	Azrin Ab Majid	
	Abd Alim Shapie	

N28 SUNGAI RAMBAI

	Siti Faizah Abdul Azis	
	Farzana Hayani Mohd Nasir	
	Muhammad Jefri Safry	
	Nazatul Asyraf Md Dom	



33,000 terima manfaat Bas Penyayang

Fiqah Jamal

PENGKALAN BATU – Seramai 33,000 golongan sasar bakal menerima manfaat menaiki bas secara percuma menerusi Bas Penyayang yang dilancarkan 3 Nov lalu.

Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali berkata, menerusi program itu, antara mereka yang akan menerima manfaat terdiri daripada Orang Kurang Upaya (OKU), penerima bantuan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), penerima bantuan asnaf dan fakir miskin.

Katanya, program Bas Penyayang itu merupakan satu jenama baharu yang menggantikan program terdahulu dengan setiap golongan yang layak dapat menaiki bas secara percuma di kesemua laluan yang ada di negeri ini.

"Ia akan memberi manfaat kepada hampir 33,000 rakyat negeri ini yang melibatkan kos sebanyak RM 985,000."

"Program Bas Percuma kepada Model baharu (Program Bas Penyayang) telah dirangka menerusi Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Melaka (MMKN) pada Julai 2021," katanya.

Beliau berkata demikian selepas Majlis Pelancaran Bas Henti-

Henti Baharu dan Program Bas Penyayang di Melaka Sentral.

Hadir sama, Pengurus Lemba Melaka Sdn Bhd (Panorama) yang juga Exco Pengangkutan negeri, Datuk Roslan Ahmad, Pengurus Besar Panorama, Datuk Abu Bakar Abdul, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (MBMB), Datuk Zainal Abu dan ke-namaan lain.

Dalam pada itu, Sulaiman berkata, kerajaan negeri turut komited dalam mempertingkatkan kualiti perkhidmatan awam di negeri ini demi kemudahan orang ramai.

Katanya, bagi merealisasikan hasrat itu, Panorama Melaka Sdn Bhd (Panorama) telah membeli 24 buah bas baharu menjadikan keseluruhan 43 buah bas akan mula beroperasi dengan kapasiti maksima menjelang bulan depan.

"Saya difahamkan sebanyak 24 buah bas telah dibeli menjadikan keseluruhan 43 bas dimiliki kini bagi melayakkan Panorama memperoleh dana Interim Stage Bus Support Fund (ISBSF) bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan bas henti-henti untuk 17 laluan di seluruh Negeri Melaka.

"Alhamdulillah, saya dimaklumkan proses pemerolehan dan

sewabeli (hire purchase) telah mula dilaksanakan sejak penghujung tahun 2020 yang mana mulai bulan September 2021, Panorama telah mula menerima bas-bas baharu ini secara berperingkat dan akan lengkap sepenuhnya menjelang Dis-

ember nanti," katanya.

Tambahnya, dalam usaha menjaga kepentingan rakyat khususnya golongan B40, kerajaan negeri juga telah membatalkan pembelian saham Panorama oleh syarikat swasta yang dibuat kera-

jaan terdahulu.

Jelasnya, perkara itu dilakukan bagi membolehkan kerajaan negeri memantau dan menyelia pengurusan perkhidmatan pengangkutan awam di negeri ini dengan lebih efektif.



SULAIMAN merasmikan pelancaran Program Bas Penyayang di Melaka Sentral 3 Nov lalu.

Pilih kerajaan tak semudah pilih baju - Sulaiman

Faiz Hasan

MASJID TANAH – "Kadang-kadang orang kata, kita nak pilih kerajaan ni bukan macam pilih baju, boleh tukar-tukar, jadi pilihlah sebaiknya," itu kata Ketua Menteri Melaka, Datuk Seri Utama Sulaiman Md Ali yang menyerahkan kepada rakyat untuk memilih kerajaan dalam Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Beliau berkata, rakyat perlu memilih kerajaan yang stabil dari segenap sudut agar kenikmatan dan kemakmuran yang diterima dapat diwarisi oleh generasi akan datang.

Katanya, memilih kerajaan dibaratkan seperti memilih pakaian yang perlu dilihat dari segi kualiti dan material supaya mampu bertahan lama.

"Tapi pada saya kalau baju itulah diberi perumpamaan, baju ini hanya untuk dipakai lima tahun, kalau baju itu jenis baju tak tahan material, ia tak bagus, kalau koyak, koyak itulah yang

akan dipakai, kalau bocor, bocor itulah yang dipakai, kalau warna (lusuh), warna itu lah yang dipakai.

"Ia tidak boleh merubah apa-apa lagi pun sehingga kalau ia boleh bertahan sampai ke lima tahun, kalau tak sampai lima tahun esok, koyak, akhir sekali kita tak berbaju, maknanya kita telah pun dilondehkan.

"Jadi saya maklumkan (rakyat) bahawa pilihlah kerajaan, saya tak cakap mana-mana kerajaan, pilih sebaik-baiknya supaya kenikmatan dan kemakmuran yang kita dapat hari ini mesti lebih baik daripada apa yang kita dapat untuk kita wariskan kepada anak-anak cucu kita pada masa hadapan, itu maksud saya," katanya.

Beliau berkata demikian kepada Melaka Hari Ini selepas merasmikan Majlis Penyampaian Sumbangan Zakat sebanyak RM200 kepada setiap 150 asnaf di Dewan Japerun Lendu, 3 Nov lalu.

Ketika ditanya mengenai keyaki-



SULAIMAN berucap Majlis Penyampaian Sumbangan Zakat kepada 150 asnaf di Dewan Japerun Lendu.

nan terhadap kedudukan 13 kerusi yang ada ketika ini, beliau berharap parti yang diwakilinya mendapat lebih dari jumlah itu untuk membentuk kerajaan pada PRN nanti.

"Kalau saya boleh katakan kita dapat bertahan yang 13 ini pun, Alhamdulillah.

"Tapi sudah pasti untuk membentuk kerajaan, kita mesti dapat lebih, jadi terserah kepada rakyat agar pilih kerajaan yang betul-betul, kerajaan itu (perlu) stabil dalam setiap sudut," kata-nya.

Mengulas lanjut, Sulaiman berkata

jika tidak ada mana-mana parti yang boleh membentuk kerajaan, maka situasi itu menyebabkan negeri berada dalam keadaan tidak stabil.

"Kita ada kerajaan yang telah 60 tahun mengurus dan mentadbir, jadi kalau kita nak bagi yang itu, yang ini kita nak bagi, maka akhirnya keputusan nanti tidak ada mana-mana satu individu parti yang boleh membentuk kerajaan.

"Maka akan berulanglah kerenah lompat dan terjah parti seperti yang berlaku pada penggal yang ke-14 ini," ujarnya.

RAMALAN KAJI CUACA DI MELAKA 9-13 NOVEMBER 2021

Selasa 9/11/2021	Rabu 10/11/2021	Khamis 11/11/2021	Jumaat 12/11/2021	Sabtu 13/11/2021
Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu atau tempat Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 33°	Pagi: Tiada hujan Petang: Ribut petir di satu atau tempat Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu atau tempat Petang: Tiada hujan Malam: Tiada hujan Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu atau tempat Petang: Tiada hujan Malam: Hujan di satu atau tempat Min: 23° / Maks: 32°	Pagi: Hujan di satu atau tempat Petang: Tiada hujan Malam: Hujan di satu atau tempat Min: 23° / Maks: 32°

Sumber: Jabatan Meteorologi Melaka (MetMalaysia) Infografik: Melaka Hari Ini

MELAKA HARI INI

NO.TEL : 06 - 251 9314,
06 - 251 9315
FAX : 06 - 251 9316

PEMANGKU PENGARUH
MOHD FAZRUL
ABDUL MAJID
fazrul@melakahariini.my

PEGAWAI TEKNOLOGI
MAKLUMAT
ABDUL JALIL JAMAR
abduljaliljamal@gmail.com

JURUFOTO KANAN
AZREN JAMILUDIN
azren86@melakahariini.my

WARTAWAN

LIANA SAHABUDIN
illyann90@melakahariini.my

MOHD FAIZ ABU HASAN
faizhasan@melakahariini.my

FAHAR SUHAIDAH
OTHMAN
farahothman@melakahariini.my

FIQA JAMAL
norafiqahjamal93@gmail.com

SITI SALEHAH AL-QADRAWI
sitisalehah@melakahariini

REKABENTUK & GRAFIK

AMBRAN MOHAMED
ambran@melakahariini.my

MIMIE AZURA
ABU BAKAR
mimieazura1981@
melakahariini.my

ZUL RAHIMI RAMLI
mk7zul@melakahariini.my

PEMASARAN

PENGURUS
MUHAMMAD HAMZI
ROSMANI
amz@melakahariini.my
038 - 329 9936

UNIT MEDIA SOSIAL

EKSEKUTIF
IZAIDA RAHAINAH IDRIS
izralhanah363@gmail.com

SHARIFAH NORKHALIDAH
SYED KHAIDZIR
khalidah@melakahariini.my

MELAKA TV

KETUA
ASHALIA YUSOF
ashaliayusof@melakahariini.my

WARTAWAN PENYIARAN
MOHAMAD FARIS HAikal
farishalik.zakaria@melakahariini.my

PENYULUSUN VIDEO
RABIAH OSMAN
osmanrabiah@melakahariini.my

JURUKAMERA
ISMAL IBRAHIM
dakmail92@melakahariini.my

AUFA IZZATI
AHMAD ZAILANI
aufalizzat98@melakahariini.my

AMIRUL RAMLI
amirul@melakahariini.my



Masih meriah Tetap gembira



Ucapan kepada

Semua masyarakat beragama Hindu
di negara ini yang menyambut Hari

DEEPAVALI 2021



Daripada

Dato' Ts. Kamel Mohamad
Setiausaha Kerajaan Negeri Melaka
&
seluruh warga kerja
Pentadbiran Kerajaan Negeri Melaka



PRN Melaka

16 'kawasan panas' dipantau polis

Siti Salehah

BANDAR HILIR - Polis Melaka akan memberi tumpuan khusus kepada 16 kawasan panas yang dikenal pasti sepanjang Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka 20 Nov ini.

Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali berkata, pihaknya sudah bersiap sedia dari segi ketenteraman awam dalam menjamin keselamatan bagi menghadapi PRN ini.

Beliau berkata, sepanjang PRN ini juga seramai 3,835 pegawai dan anggota ditugaskan dilapangan dan 1,245 daripada jumlah itu adalah bantuan daripada kontinjen luar Melaka.

"Saya Ketua Polis Melaka memberi jaminan bahawa kita bersedia dan akan pastikan ketenteraman awam di negeri ini semasa PRN ini berjalan lancar supaya rakyat boleh keluar mengundi selain proses demokrasi berjalan.

"Semua kawasan kita lakukan pengawasan dan pemantauan rapi, hanya kawasan 'hot spot' (16)



LATIHAN Kententeraman Awam 'Public Order Excercise' (POX) sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

diberi tumpuan utama oleh polis," katanya pada sidang media selepas Latihan Kententeraman Awam 'Public Order Excercise' (POX) di Balai Polis Melaka Tengah, 3 Nov lalu.

Hadir sama Timbalan Ketua Polis Melaka, Datuk Razali Abu Samah serta Ketua Polis Daerah Melaka Tengah,

Asisten Komisioner Afzanizar Ahmad.

Menurut beliau, daripada 16 kawasan panas yang dikenal pasti itu, daerah Melaka Tengah merekodkan lapan kawasan.

"Apa yang kita maksudkan dengan 'hot spot' itu kemungkinan menjadi tumpuan dan ada pertandingan berbagai penjur

serta pecahan penyokong," katanya.

Mengulas lanjut, Abdul Majid berkata, selain mempunyai 17 pasukan 'Strike Force' di peringkat Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Melaka, pihaknya juga mendapat bantuan dari Pasukan Simpanan Persekutuan (FRU) serta Unit Tindakan Rusu-

han Awam (PORU) dari Bukit Aman.

"Kita turut mendapat bantuan dari empat Unit Dron untuk membuat pengawasan udara dalam tempoh PRN ini.

"Unit Dron ini akan digunakan di kawasan hot spot untuk membuat penilaian keselamatan," katanya.



IKLAN JAWATAN KOSONG

KETUA JABATAN KEWANGAN (GRED EX-6)

Syarat Lantikan :

1. Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia yang diiktiraf Agensi Kelayakan Malaysia (MQA) atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya;
2. Mempunyai kelayakan profesional ACCA atau CIMA serta dan ahli berdaftar dengan MIA atau berpengalaman dalam isu perakaunan secara operasi dan teknikal;
3. Lulus kursus/latihan dan/atau ujian yang ditetapkan oleh Syarikat;
4. Mempunyai sekurang-kurangnya 15 tahun pengalaman dalam sektor korporat berkaitan pengurusan kewangan.

Syarat Tambahan :

1. Keutamaan anak Melaka atau pasangan Melaka atau menetap di Melaka
2. Tiada hubungan kekeluargaan (pasangan, ibu bapa, anak, adik-beradik) yang bekerja di SAMB

Cara Memohon :

Pemohonan jawatan kosong ini boleh dibuat melalui platform JobStreet



ROSOL (dua dari kiri) memantau harga ayam segar yang dijual di sebuah pasar raya di Bandaraya Melaka.

KPDNHEP pantau harga barang menjelang PRN

PENGKALAN BATU - Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) menggerakkan kira-kira 100 pegawai dan anggota penguatkuasa bagi memantau sekiranya berlaku kenaikan harga barang di negeri ini sempena Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka.

Timbalan Menterinya, Datuk Rosol Wahid berkata, langkah itu dilakukan bagi mengelak sebarang kemungkinan yang akan berlaku.

Beliau berkata, walaupun PRN Melaka berbeza dengan pilihan raya sebelum ini kerana tiada sebarang program dan kempen namun ramai yang mengambil kesempatan datang ke Melaka untuk melancong.

"Kita mengambil peranan proaktif untuk melihat, meninjau dan memantau kemungkinan yang akan berlaku sama ada kenaikan harga makanan, harga barang

keperluan dan sebagainya.

"Dengan kapasiti penguatkuasa hampir 100 orang, kita yakin mampu untuk atasi sebarang masalah," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas melakukan tinjauan harga barang dan pematuhan prosedur operasi standard (SOP) di AEON Bandaraya, 4 Nov lalu.

Menurut beliau, buat masa ini, belum ada sebarang cadangan untuk menubuhkan pasukan khas bagi melakukan pemantauan dalam tempoh PRN ini.

"Pasukan khas tiada cadangan tetapi mereka (penguatkuasa) bekerja.

"Bagi pengguna yang ada isu boleh lapor kepada KPDNHEP sama ada melalui aplikasi Whatsapp, talian bebas tol atau menghubungi terus pejabat namun mereka diingatkan untuk mengemukakan resit bersama bagi tindakan lanjut," katanya.



MIMBAR MAIM

"Be na r-be na r sang a t beruntung o ra ng-o ra ng ya ng me mb e rsihka n di i deng an be riman dan sentia sa be rzikir me nye b ut na ma Tuha nya se rta me nge ja ka n se mba hyang ." (Surah Al-A'la, ayat 14-15)

"De mi se sung g uhnya ! Ka mi a ka n me ng uji ka mu de ng a n se dikit ke ta kuta n, ke la pa ran, da n ke kura ng a n da ri ha rta b end a se rta jiwa da n ha sil ta-na man. Da n be rila h kha barg emb ira ke pada o ra ng yang sabar." (Surah Al-Baqarah, ayat 155)

Pahala wakaf sentiasa berpanjangan

Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my

WAKAF dari segi bahasa bermaksud berhenti, menegah dan menahan manakala dari segi istilah, wakaf adalah menahan benda agar tidak dimiliki serta supaya manfaatnya boleh disedekahkan.

Sebaik sahaja diwakaf maka jadilah pemilikan harta itu beralih kepada pemilikan Allah SWT.

Sebuah hadis yang diriwayatkan oleh Abu Hurairah, Rasulullah SAW bersabda yang bermaksud: "Apabila matinya seorang manusia, maka terputuslah pahala amalannya kecuali tiga perkara iaitu sedekah jariah atau ilmu yang dimanfaatkan dengannya atau anak yang soleh yang sentiasa mendakanya."

Sebahagian ulama mentafsirkan perkataan 'sedekah jariah' dalam hadis itu dengan maksud wakaf, seperti mana kata Imam al-Raf'i.

Pahala sedekah jariah akan terus mengalir kepada orang yang melakukannya sedangkan sedekah lain, pahalanya tidak berterusan mengalir seperti sedekah amal jariah atau wakaf.

Golongan ulama mengemukakan pengertian wakaf dengan jelas antaranya : Ibn Hajar al-Haitami menyebut takrif wakaf sebagai: "Menahan harta yang mungkin boleh dimanfaatkan selama bendanya masih baik dengan cara memutuskan hak pemilikan atas harta tersebut dan dialihkan untuk kepentingan-kepentingan yang dibolehkan."

Ibnu Qudamah turut mendefinisikan wakaf sebagai: "Menahan pokok (zat harta) dan menyedekahkan buah (hasil)." manakala Sayyid Sabiq menyebut wakaf ialah menahan benda yang menjadi milik pewakaf dan menyedekahkan manfaatnya di jalan Allah SWT.

Sementara itu, Wahbah al-Zuhayli menyatakan, wakaf ialah menahan harta benda yang kekal zatnya serta boleh dimanfaatkan bagi tujuan kebaikan dan ia diserahkan kepada pihak yang ditentukan dengan harapan dapat mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Dapat difahami, wakaf dierti kan sebagai amalan menyerahkan sebahagian hartadimiliki untuk dimanfaatkan masyarakat Islam khususnya bertujuan mendekatkan diri kepada Allah SWT.

Wakaf memutuskan segala bentuk hak dan penguasaan pewakaf ke atas harta yang diwakafkan yang mana orang yang mewakafkan hartanya akan diganjarkan pahala berkekalan selama mana harta wakaf itu masih ada dan terus dimanfaatkan ke arah kebaikan serta tidak musnah.

Sudah tentu ia berbeza dengan sedekah lain sebagai contoh seseorang mewakafkan wang RM 10 untuk pembinaan masjid dan selagi mana masjid itu kekal, selagi itu pahala akan mengalir kepada pewakafnya.

Bagi sedekah pula seperti seorang menyedekahkan RM 10 kepada peminta sedekah dan wang berkenaan digunakan untuk mem-

beli makanan bagi menghilangkan kelaparan.

Setelah makanan itu habis, pahala sedekah hanya setakat itu saja dan Islam amat menggalakkan di samping melakukan sedekah, rebutlah peluang untuk berwakaf sama ada dalam bentuk wang tunai, aset dan sebagainya.

Seperi sedia maklum, di Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) turut disediakan perkhidmatan wakaf

yang menjurus ke arah pewakafan pelbagai kaedah lebih-lebih lagi padaketika urusan wakaf sangat di galakkan bagi meningkatkan ekonomi umat Islam.

Di MAIM, terdapat beberapa kategori wakaf yang disediakan antaranya wakaf khas, wakaf am dan juga wakaf saham.

Umat Islam yang berniat untuk melaksanakan syariat wakaf boleh hubungi MAIM Seksyen Wakaf di

talian 06-2837416 atau layari laman web www.maim.gov.my.

Sebagai kemudahan bersama, pihak MAIM turut akan turun padang memberi penerangan dan pencerahan berkaitan manfaat wakaf di sekitar negeri ini bagi memberi peluang dan ruang pahala kepada umat Islam yang berniat untuk mewakafkan sebahagian harta mereka demi jalan Allah SWT.

Faedah Senaman BERJALAN

1. Mengurangkan berat badan
2. Menguatkan tulang dan otot
3. Mengurangkan risiko penyakit diabetis
4. Meningkatkan kesihatan jantung
5. Meningkatkan paras hormon endorfin

SUMBER : KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

facebook/maimmelaka

www.maim.gov.my

Majlis Agama Islam Melaka



LAPORKAN KEPADA MAIM MEREKA YANG DALAM KESUSAHAN

Melaka Tengah | 06-283 7416 / 06-284 9809
06-288 1881 / 06-288 1882

Jasin | 06-529 8415
06-529 8417

Alor Gajah | 06-384 2699

Merlimau | 06-263 9505

Website | www.maim.gov.my

Email | admin@maim.gov.my

Youtube | [majlis agama islam melaka](#) Facebook | [facebook/maimmelaka](#)

"Pengagihan zakat yang telus amanah kami"



Zakat Diberkati, Asnaf Disantuni

Erwin Abu Hasan
erwin@aim.gov.my

Lensa Kursus Pemantapan Pembangunan Sahsiah Diri Dan Integriti MCAIM



SETIAUSAHA MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim bersama Seksyen Pembangunan Insan MAIM menyantuni dan bertanya khabar penyumbang bayaran zakat yang juga bekas asnaf, Shahsraman Jalil di ladang cili milik beliau di Kampung Serkam. MAIM turut menyampaikan sumbangan bagi membantu beliau mengembangkan lagi ladang dan hasil cili beliau di masa akan datang.

Serahan Bakul Makanan Saudara Muslim



PEGAWAI Balai Islam MAIM, Hafizi Abd Kadir bersama wakil Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) Islam, UstazUstazah.com menyampaikan sumbangan kit makanan kepada salah seorang muallaf.



TURUT disampaikan lampin pakai buang dewasa.



SUMBANGAN turut diadakan ke rumah muallaf yang tidak berkemampuan.



ASNAF muallaf berbesar hati menerima kehadiran pegawai MAIM dan NGO Islam.



PRIHATIN...Skuad Agihan Zakat (SAZ) Majlis Agama Islam Melaka (MAIM) menyantuni dan menyampaikan sumbangan wang tunai dan kit makanan kepada asnaf Che Noor Zamanni Che Ani yang menyewa sebuah rumah di Kampung Enam Bachang. MAIM turut menyerahkan lampin pakai buang kepada isteri beliau yang kini sedang sakit terlantar serta tidak mampu untuk mengurus diri dan keluarga.


Erwin Abu Hasan
erwin@maim.gov.my



SUMBANGAN cek kepada beberapa buah masjid dan surau yang akan melaksanakan pembinaan dan pemberian telah disempurnakan oleh Timbalan Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud. Hadir sama Setiausaha MAIM, Muhammad Ikram Ibrahim.



TIMBALAN Pengurus MAIM, Datuk Wira Md Rawi Mahmud merasmikan jenama dan pengoperasian baharu bagi hotel Wakaf Pantai Puteri baru-baru ini. MAIM telah bekerjasama dengan Yayasan Wakaf Malaysia (YWM) dan anak syarikat YWM, Perbadanan Wakaf Nasional Berhad (PWNB) membangunkan hotel berkenaan dan penjenamaan kepada nama Puteri Bay Hotel Melaka mampu meningkatkan kembali nilai komersial hotel berkenaan. Penjenamaan ini juga mampu memberi manfaat tambahan kepada khususnya dalam kaedah peningkatan hasil yang mampu disalurkan kembali kepada umat Islam di negeri ini.



Puteri Bay
HOTEL • MELAKA



Hanya **2.5%**

"Sedikit Diberkati, Banyak Dikongsi"

Beribadah Di Hujung Jari, Layari: www.izakat.com

ZAKAT MELAKA
Bersih Juwa Suci Harta

Sistem pintar kawalan trafik

Pendekkan masa perjalanan ke Bandaraya Melaka

Liana Sahabudin

BANDA HILIR – Pemasangan Sistem Pintar Kawalan Trafik Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah (SPiKTRA-M) di 33 persimpangan lampu isyarat di negeri ini bakal menjimatkan masa perjalanan pengguna jalan raya hampir 300 peratus.

Datuk Bandar MBMB, Datuk Zainal Abu berkata, penggunaan sistem itu yang menelan kos sebanyak RM4.36 juta dijangka siap sepenuhnya pada April tahun depan.

"Dari jumlah itu sebanyak 22 persimpangan telahpun dipasang sistem ini, manakala 11 persimpangan lagi sedang dilaksanakan.

"Kesemua sistem ini menelan kos sebanyak RM4.36 juta dan iaanya dijangka siap sepenuhnya pada April 2022," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media selepas majlis pelancaran sistem tersebut di Hotel Hatten, 2 Nov lalu.

Sistem tersebut dilancarkan Timbalan Yang Di-Pertua Dewan Negara, Datuk Seri Mohamad Ali Mohamad.

Mengulas lanjut, beliau berkata, SPiKTRA-M juga menyediakan platform pengumpulan data dari setiap persimpangan lampu isyarat kepada ibu pusat kawalan lalu lintas.

"Data tersebut akan dihantar kepada Bilik Kawalan SPiKTRA-M bagi mengesan dan membantu penyuraian trafik.

"Inisiatif ini dapat memanfaatkan rakyat Melaka dan pelancong luar sekali gus menjimatkan masa perjalanan selain teknologi yang selamat digunakan pengguna jalan raya," katanya.

Untuk rekod 22 SPiKTRA-M yang siap dipasang melibatkan tiga di persimpangan Kota Laksamana, persimpangan Jalan Munshi Abdullah (3), persimpangan Banda Hilir (3), persimpangan Jalan Syed Abdul Aziz Melaka Raya (4), Pengkalan Rama (3), Jalan Panglima Awang (2) dan Jalan Semabok (4).

Manakala 11 lagi sedang dilaksanakan melibatkan dua di persimpangan Jalan Hang Tuah Mall, persimpangan Jalan Melaka Raya (2), Jalan Lagenda (2) dan persimpangan SPiKTRA-M Tunggal (5).



PELANCARAN SPiKTRA-M di Hotel Hatten, 2 Nov lalu.



TAMAN BUKIT CHENG

RUMAH TERES 2 TINGKAT DI BANDAR MELAKA

dengan hanya

RM 4xxK

HAK MILIK KEKAL


24 JAM SEKURITI

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:

017-260 9003

Panglima Juara Sdn. Bhd.
17 A&B, Plaza Seri Kubu,
Jalan Tan Chay Yan,
75300 Melaka,
www.spb.my

17 SJR di Melaka sehingga tamat PRN

Fiqa Jamal

AYER KEROH - Polis Melaka akan melaksanakan 17 Sekatan Jalan Raya (SJR) di semua pintu sempadan negeri bermula 7 Nov sehingga tamat Pilihan Raya Negeri (PRN) Melaka, 20 Nov ini.

Pengarah Jabatan Keselamatan Dalam Negeri dan Ketenteraman Awam (KDNKA) Bukit Aman Datuk Hazani Ghazali berkata kesemua SJR dilaksanakan bagi memastikan tiada pengundi hantu atau golongan antivaksin masuk ke negeri ini.

Katanya, SJR akan turut dilaksanakan di kesemua jalan-jalan tikus di

negeri ini.

"PDRM siap sedia menghadapi PRN Melaka, dan pihak polis akan memastikan semuanya berjalan lancar, jadi sebanyak 17 lokasi SJR akan dibuka esok termasuk di jalan-jalan tikus dan perairan.

"SJR ini turut dibuka bagi memastikan tiada orang-orang berkenaan masuk ke Melaka seperti golongan tidak mengambil vaksin dan 'alien' (pengundi hantu) yang tidak berdaftar di Melaka tetapi datang ke Melaka untuk mengundi," katanya

Beliau berkata demikian dalam sidang media selepas melakukan lawatan

kerja Op PRN Melaka di IPK Bukit Beruang, 6 Nov lalu.

Hadir sama, Ketua Polis Melaka Datuk Abdul Majid Mohd Ali dan Timbalannya Datuk Razali Abu Samah.

Mengulas lanjut, Hazani turut menasihati orang ramai untuk keluar mengundi dan menjaga prosedur operasi standard (SOP) kerana masih dalam keadaan pandemik COVID-19.

"Nasihat saya, keluarlah mengundi dan jaga diri sendiri serta orang sekeliling kerana kita masih lagi berada dalam pandemik belum lagi memasuki fasa endemik," katanya.



HAZANI



SJR akan dikuatkuasakan di 17 kawasan di sempadan negeri Melaka.

Cemas tedung selar 9kg tidur bawah akuarium

Norizan Muhib

DURIAN TUNGGAL - Baharu seminggu rumah dinari air dalam kejadian hujan lebat yang melanda Kampung Padang Keladi, Azwan Mat Kamal, 32 dan keluarganya berdepan detik cemas apabila kediaman mereka didatangi tetamu tidak diundang.

Azwan yang juga Timbalan Pengarah Perbadanan Bioteknologi Melaka terkejut apabila mendapati seekor ular tedung selar sepanjang tujuh meter berlingkar di bahagian bawah aquarium ikan yang terletak di hadapan rumahnya di Kilometer 7, Jalan Kampung Padang Keladi.

Menurutnya, kehadiran reptilia itu hanya disedari oleh salah seorang ahli keluarganya ketika mahu mengambil kasut yang disimpan



AZWAN

berhampiran aquarium terabit kira-kira pukul 2 petang.

"Ketika itu, ular tedung tersebut tidak mengeluarkan apa-apa bunyi seperti desiran dan berdiam sahaja di bawah aquarium tersebut.

"Dalam keadaan cemas itu, saya sempat membuat panggilan kecemasan untuk mendapatkan pertolongan pihak berkuasa dan Alham-

dulilah, bantuan juga tiba dengan segera," katanya ketika dihubungi Melaka Hari Ini, 5 Nov lalu.

Beliau menarik nafas lega kerana tidak ada kejadian tidak diingini berlaku dan semua ahli keluarganya termasuk petugas keselamatan yang datang membantu berada dalam keadaan selamat.

"Saya bimbang juga kerana sebelum ular tedung itu dijumpai, saya mempunyai anak kecil berusia empat tahun namun mujur semuanya selamat.

"Anggota keselamatan beritahu ular tedung itu baru sahaja makan, mungkin sudah terlalu kenyang dan ketika dijumpai, ular tersebut sedang tidur," katanya.

Sementara itu, Pegawai Operasi, Bencana dan Logistik Pejabat Daerah Pertahan-

nan Awam Daerah (PDPA) Alor Gajah, Leftenan (PA) Abdul Hadi Baharom berkata, pihaknya menerima panggilan kecemasan mengenai kejadian itu kira-kira pukul 2.34 petang.

Menurutnya, seramai lima anggota dikehalkan ke tempat kejadian dan mengambil masa selama 20 minit untuk menangkap ular tedung berkenaan.

"Sebaik tiba di rumah kediaman pengadu, anggota menemui ular tedung berkenaan pada bahagian bawah aquarium ikan di hadapan rumah.

"Kita menggunakan pengepit ular dan berjaya menangkap ular tersebut dalam masa 20 minit," katanya.

Menurut Abdul Hadi, pihaknya mengesyaki ular tedung berkenaan datang



ANGGOTA bomba menggunakan peralatan khas untuk menyelamatkan dua kanak-kanak yang terperangkap dalam kereta.

Cemas anak terperangkap dalam kereta

AYER KEROH - Dua kanak-kanak perempuan terperangkap dalam sebuah kereta berkunci kira-kira 10 minit dalam kejadian di Jalan Kota Fesyen, di sini, 2 Nov lalu.

Komander Operasi Balai Bomba dan Penyelamat (BBP) Ayer Keroh, Pegawai Kanan Bomba II Mohd Sany Sahari berkata, pihaknya menerima panggilan mengenai kejadian itu pada jam 4.57 petang.

Katanya, sebaik tiba di lokasi kejadian kira-kira lima minit kemudian, anggota bomba mendapati dua kanak-kanak berusia satu dan dua tahun itu berada dalam kereta yang terkunci dalam kereta jenis Honda.

"Difahamkan ayah kedua-dua mangsa keluar membeli barang manakala ibunya keluar sebentar ke bonet belakang sebelum kereta itu terkunci secara automatik.

"Berikut itu, anggota bomba bertindak mengeluarkan mangsa dengan peralatan khas dan berjaya menyelamatkan mangsa," katanya.

Beliau berkata, dua kanak-kanak itu bagaimanapun selamat dan tidak cedera.

"Operasi tamat sepenuhnya kira-kirajam 5.10 petang," katanya.

dari kawasan hutan yang terdapat di belakang rumah pengadu.

Beliau berkata, ular se-

berat sembilan kilogram itu kemudiannya dibawa ke pejabat PDPA Alor Gajah untuk tindakan lanjut.



ANGGOTA PDPA Alor Gajah menggunakan pengepit ular untuk menangkap reptilia yang bersembunyi di bawah aquarium.



PROF. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican

FORMER Chief Secretary to the Government, the late Tun Ahmad Sarji Abdul Hamid wrote in his forward of an honest, strict and learned man. That man is Tan Sri Dato' Dr Mohd Said bin Mohamed, the Menteri Besar of Negeri Sembilan. This was what Ahmad Sarji learnt while serving as the Assistant District Officer, Seremban and Mantin in 1961, and as Assistant State Secretary of the state.

Ahmad Sarji was recollecting his experiences in the Foreword of *Reflections: Dr Mohd. Said* (2021) by the former's daughter, a scholar and accomplished writer herself, Dato' Halimah. Ahmad Sarji's closer relations with Dr Mohd. Said "gave me valuable experience of

Dr Mohd. Said: Public Servant, Scientist and Intellectual

what was meant by the phrase 'good governance'." The book is jointly published by Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris and Universiti Malaysia Sabah.

Dr Mohd. Said served as Negeri Sembilan Menteri Besar for two terms, 1959-64 and 1964-69. He was born in Linggi, Negeri Sembilan, where his family observed the Adat Temenggung. They were of Bugis ancestry. *Reflections* is a compendium on the man, and his milieu. It comprises writings from colleagues and those who know him, members of his family; and earlier renditions by Halimah, and Dr Mohd. Said's own letters and notes.

Dr Mohd. Said's interest in

" Halimah Mohd Said's *Reflections* is not only about the Menteri Besar, but about the history, and the sons and daughters that Linggi has nurtured. "

writing was inspired by the world of literature, narratives and books exposed to as a young boy in Linggi and later at the Malay College Kuala Kangsar (MCKK). He was introduced by his mother to Islamic religious texts, the Malay *hikayat*, *shair* and *pantun*. And later to history books, and the works of English writers and poets.

As a medical student at the King Edward VII College in Singapore (1925-1932) he was involved in writing and literary activities. Dr Mohd. Said's interest in history and the humanities must have inspired his life and vocation. This led him to translate Wilkinson's work titled "Sungai Ujong." There was also a partial translation of Parr and Mcray's "Rembau" in *Majallah Guru*, a significant Malay periodical of opinion and commentary in the 1930s.

According to Halimah, her father also translated Shakespeare's *The Merchant of Venice* into Bahasa Melayu. However, this was not published. Reviews on men who hold public office would generally describe them in ways that are obvious. Dr Mohd. Said, however, manifested other avatars.

On the writing of *Memoirs of a Menteri Besar: Early Days* (1982), on his 71st birthday on 31 October 1978, Halimah recalls that her father made a conscious effort to sift through his memory and the many volumes of his diaries. This were to select the most significant events and the "most outstanding people that impacted his life, and to write them as realistically as he could."

Dr Mohd. Said chose to convey the reflections in his "extremely censorious attitude of mind," as subtle as possible. His memoir reveals life in Kampung Linggi at the turn of the 20th century, in its demography of a rural enclave in the Malayan hinterland. He stressed the importance of the environment in shaping the development of a person, a people and a nation.

Dr. Mohd. Said wrote that "the vitality and intelligence of a particular person, community, race or nation" were determined by environmental factors. Where the Malays are concerned, he argued, "adverse environmental factors have been and are some of the most important factors in the apparent backwardness when compared with the other races in this multiracial country."

He referred to negative hereditary traits of inbreeding and first cousin marriages which happens in traditional, rural societies. He however argued that inbreeding among people of "good stock can produce superior IQs, augmented by the environment with the right educational and socio-cultural exposure. In Kampung Linggi that positive environment has produced some of the early Malay scholars and doctors.

His training as a doctor, "interested in the science of genetics as applied to man, has led me..to put the word Heredity and in addition stressed the importance of the Environment as an additional factor in shaping our ends."

He is conscious of his grounding in language, literature, history, science and arithmetic. And was diligent at that. Mr. Bazell, who taught history and English Literature at MCKK, and was headmaster from 1923 to 1938 must have had a profound influence on Dr Mohd. Said, especially as he admitted, on the development of his own personality, character and attitudes towards things that matter in life.

Dr Mohd. Said was also aware of the workings of colonialism. In his memoir, he recalled that it was politically expedient to build a positive and mutually beneficial relationship between the colonial government, the Malay rulers and their subjects. In 1922, Cikgu Zainal Abidin breached that understanding. Za'ba published two articles in the *Malay Mail*, one titled "The Poverty of the Malays,"

and the other "The Salvation of the Malays." He was then finally transferred to serve in the less visible role of translator at the Sultan Idris Training College in Tanjung Malim.

Halimah cites Dr Mohd. Said's comment: "...the powers-that-be apparently came to the conclusion that Za'ba was too dangerous a man to continue to be a member of the teaching staff of the Malay College, as he was considered likely to poison the minds of the pupils."

Among the contributors to *Reflections* are Faridah Abdul Rashid, Tunku Zain Al-'Abidin, Salleh Mohd. Nor, Ismail Noor and Zawiyah Baba. Another is Ahmad Husni Ahmad Zainal Abidin. He is Halimah's nephew and also the grandnephew of Za'ba. Husni provides a small window on his grandfather, Dato' Muhammad Yusof bin Ahmad (Muhammad Yusof) whom Dr Mohd. Said regarded as his Linggi *sepupu* (cousin) and as "the brilliant younger brother of Za'ba."

Dr Mohd. Said passed away on 22 July 1996, just over a year short of his 90th birthday. Zawiyah Baba affirms that he was "probably the last of that rare breed of well-read distinguished Malay scientists who was equally well versed in philosophy and literature..." Halimah Mohd. Said's *Reflections* is not only about the Menteri Besar, but about the history, and the sons and daughters that Linggi has nurtured.

**NEXT WEEK:
The Pantun**

***Prof. Dato' Dr. Ahmad Murad Merican** is Professor of Social and Intellectual History with the International Institute of Islamic Thought and Civilization, International Islamic University (ISTAC-IIUM). He is a Senior Fellow with the Southeast Asia Research Centre and Hub at De La Salle University, Manila, the Philippines.



DR Mohd. Said

'Bapa terkorban sebagai wira'

Norizan Muhid

KRUBONG - Allahyarham Mohd Diya Che Jusoh, anggota bomba yang terkorban dalam operasi menyelamat kejadian banjir di Sungai Putat pada 20 Oktober lalu, disifatkan seorang yang penuh dedikasi dalam menjalankan tanggungjawabnya sehingga ke akhir hayat.

Menurut isterinya, Noraida Che Nor, 39, biarpun dia dan empat anaknya kehilangan insan tersayang dalam insiden itu namun Muhammad Daniel Hakime Mohd Diya, 18, Nurul Ain Balqis, 16, Muhammad Danish Hakim, 12 dan Nurul Anisa Ilya, 9, tetap berbangga kerana bapa mereka terkorban sebagai wira negara.

"Anak-anak kini sudah mampu tersenyum berbanding sebelum ini mereka kehilangan agak sukar menerima hakikat tetapi lamaka la maan rasa sedih mereka kini bertukar bangga setelah menerima kenyataan bahawa bapa mereka terkorban sebagai hero."

"Namun apa yang pasti, kami menerima kejadian yang berlaku sebagai suratan takdir dan saya redha dengan apa yang berlaku," katanya.

Noraida ditemui media sempena lawatan kumpulan Safety First



KUMPULAN Safety First menyerahkan sumbangan kutipan wang tunai kepada Noraida di rumahnya di Taman Krubong Jaya.

yang diketuai bekas Ketua Pengarah Jabatan Bomba Penyelamat Malaysia, Datuk Wan Mohd Nor Ibrahim dan Pengarah Jabatan Bombadan Penyelamat negeri, Abu Bakar Katain di kediamannya di Taman Krubong Jaya, 31 Okt lalu.

Alahyarham Mohd Diya meninggal dunia setelah lemas dalam misi menyelamat mangsa banjir di Sungai Putat pada 20 Oktober lalu.

Dalam kejadian pada jam 5.30

petang itu, Allahyarham dipercayai tidak sedarkan diri selepas dibawa arus deras ketika memasang tali bagi mengeluarkan mangsa terperangkap banjir.

Sempena lawatan itu, Kumpulan Safety First turut menyampaikan sumbangan wang tunai berjumlah RM12,450 kepada Noraida yang diperolehi melalui kutipan daripada ahli kumpulan itu seramai 10,000 orang melalui plat-

form Watapps.

Menurut Noraida, hatinya sedikit terusik apabila terkenang kenangan bersama arwah suaminya yang akan sibuk menyiapkan persiapan persekolahan anak-anak mereka setiap kali sesi persekolahan bermula.

"Arwah individu yang paling sibuk bertanyakan itu dan ini kepada saya tentang persiapan sekolah anak-anak setiap kali

pembukaan sesi persekolahan.

"Namun Alhamdulillah, saya dapat melengkapkan persiapan sekolah anak-anak dengan pertolongan anggota keluarga terdekat dan rakan-rakan," katanya.

Malah, ujarnya, anak sulungnya, Muhammad Daniel sudah mendaftarkan diri mengikut pembelajaran di Kolej Komuniti Bukit Beruang dalam bidang pengajian yang digemarinya iaitu automotif.

Sementara itu, atas sifat kasih dan rasa tanggungjawab terhadap anak Allahyarham Mohd Diya, Abu Bakar tampil mengambil mereka sebagai anak angkat.

"Saya lihat anak-anak Alla-hyarham Mohd Diya terutama yang paling bongsu, Nurul Anisa Ilya kelihatan murung dan masih ter-cari-cari bapanya."

"Saya tidak mungkin dapat gantikan tempat bapa mereka tetapi saya rasakan tanggungjawab ke atas mereka dan perlu menjaga hak kebijakan anak-anak arwah."

"Untuk itu juga, saya selalu berpesan kepada Muhammad Daniel agar tidak lupa dengan amanah yang perlu digalasnya sebagai ketua keluarga menjaga ibu dan tiga adiknya setelah ketidaaan bapa," katanya.

Kempen derma darah 'dingin', kurang sambutan

AYER KEROH - Unit Tabung Darah Hospital Melaka (HM) merayu keperihatinan rakyat di negeri ini agar bersama menjayakan kempen derma darah anjurannya yang diadakan pada setiap minggu di pusat membeli belah di seluruh negeri.

Pegawai Seranta Unit Tabung Darah Hospital Melaka, Mohd Faizal Ishak berkata, kempen yang diadakan pada setiap hari itu bermula pukul 11 pagi hingga 5 petang mendapat sambutan agak dingin daripada orang ramai biarpun diadakan di lokasi tumpuan.

Misalnya, menurut beli-

au, kempen yang diadakan di pasaraya Mydin Ayer Keroh 4 Nov lalu, menyarkan sekurang-kurangnya mengutip 70 beg namun hanya mampu memperolehi 54 beg darah.

"Walaupun pada cuti umum dan ramai pengunjung namun jumlah sasarannya masih gagal dicapai. Jika dibandingkan dengan hari biasa, bilangan penderma jauh lebih sedikit sekitar bahar 10 orang sahaja."

"Buat rakyat Melaka, kami merayu bantu HM untuk tambah bekalan darah dengan menderma di mana-mana kempen yang dianjurkan...sumbangan anda amat

diperlukan bagi membantu pesakit yang dalam kecemasan," katanya ketika ditemui Melaka Hari Ini (MHI).

Setakat ini, katanya, simpanan bekalan darah di Unit Tabung Darah HM berjumlah sekitar 1,100 beg dan pihaknya menggunakan 100 hingga 150 beg termasuk membekalkan bekalan darah ke hospital daerah dan swasta bagi membantu pesakit yang memerlukan.

Menurut beliau, setakat semalam, pihaknya hanya mampu mengumpul 80 beg darah berbanding sasaran 190 beg melalui empat hari kempen darah diadakan ber-

mula Isnin lalu.

"Kita sasarkan akan dapat kumpul sekurang-kurang 690 beg darah melalui kempen sepanjang minggu ini namun setakat semalam baharu dapat 190 beg, masih jauh jumlah sasaran yang dapat dicapai dengan masa yang masih berbaki dua hari lagi," ujarnya.

Katanya, selain dapat menyelamatkan nyawa pesakit yang dalam kecemasan, penderma menikmati pelbagai faedah antaranya mendapat kemudahan perubatan percuma apabila mendapatkan rawatan sebagai pesakit luar dan dapat mengetahui

lebih awal tentang status kesihatan mereka.

"Apabila mereka datang untuk menderma darah, kita akan periksa status kesihatan dan membuat pemeriksaan darah, dari situ, mereka akan mengetahui tahap kesihatan misalnya ujian kesihatan jantung, tekanan darah dan lain-lain," ujarnya.

Menurut Mohd Faizal lagi, orang ramai tidak perlu bimbang untuk menderma darah kerana ia dilakukan mengikut prosedur operasi standard (SOP) selaras dengan panduan Kementerian Kesihatan.

Katanya, biarpun kem-

pen derma darah masih tidak mendapat sambutan namun pihaknya tidak akan berputus asa dan tetap meneruskan program yang sama secara berterusan demi memastikan bekalan darah di negeri ini sentiasa mencukupi bagi menampung keperluan pesakit.

Mereka yang berhasrat membantu menambah simpanan tabung darah HM boleh mengunjungi kempen derma darah di lokasi yang diatur pada laman sosial Facebook malakabloodbank atau menghubungi talian 06-2892873 untuk maklumat lanjut.

Mahasiswa UTeM juara permainan keselamatan siber

DURIAN TUNGGAL - Enam mahasiswa Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM) dinobatkan juara Pertandingan Antarabangsa Kaspersky Interactive Protection Simulation (KIPS), baru-baru ini.

KIPS merupakan permainan keselamatan siber yang menjadi tarikan pemain seluruh dunia terdiri daripada pengurus atasaran organisasi, ahli pakar, pelajar serta diplomat.

Dekan Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK), Prof Dr Rabiah Ahmad berkata, ke-

jayaan enam mahasiswa yang dikenali sebagai kumpulan MH4/2 itu sekali gus menyerlahkan kreativiti dan kepakaran pelajar UTeM di peringkat global.

"Kemenangan ini melayakan mereka membawa pulang wang tunai sebanyak USD3,000 (RM12,443.70) dan setiap ahli turut menerima lesen latihan di Kaspersky Online Cybersecurity Training Platform.

"Pelajar terlibat adalah Kwong Tung Nan, Liew Kok Foo, Mervyn Lim, Lim Zi Feng, Tan Wen Xiang

yang merupakan pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Kepintaran Buatan) dan Heng Fuyen, pelajar Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Teknologi Permainan)," katanya dalam satu kenyataan 2 Nov lalu.

Sementara itu, ketua pasukan UTeM Kwong Tung Nan berkata, pada peringkat pertama pemain mengambil peranan pakar teknologi maklumat (IT) di sebuah lapangan terbang yang terjejas iaitu eksplorasi shellshock, perisian tebusan (ransomware), Ad-

vanced Persistent Threat (APT) dan kecurian wang oleh pekerja jadlam.

"Di peringkat kedua pula, pemain mengambil peranan sebagai diplomat sebuah negara yang ditugaskan untuk mengambil tindakan bagi situasi Distributed Denial of Service, APT, hacktivis dan perisian tebusan."

"Seterusnya peringkat akhir pemain mengambil peranan pakar IT di loji kuasa yang disasar pelbagai serangan tajaan negeri yang khusus terhadap loji kuasa dan

PLC yang digunakan, peringkat ini serupa dengan serangan 'stuxnet' yang dijalankan beberapa tahun lalu," katanya.

Hasil kejayaan itu memberikan manfaat besar bukan sahaja buat pelajar, malah UTeM mendapat tempat bagi pelajar-pelajar tertentu untuk menyertai latihan 'Cybersecurity for IT Online' secara percuma.

Pertandingan ini disertai lebih 30 pasukan seluruh dunia dan mengambil masa selama tiga minggu.



DR. SHANKAR GUNARASA



Ayer Keroh

ARTIKEL buasir yang pernah saya parkan tidak lama dahulu, ada saya menghuraikan tentang simptom dan pelbagai jenis rawatan pembedahan yang sedia ada di Malaysia.. Ada juga saya bincangkan tentang rawatan terbaru iaitu laser buasir. Rawatan buasir ini semakin popular sejak 5 tahun kebelakangan ini dan semakin di inginkan di kalangan pesakit.

Seringkali pesakit akan datang berjumpa dengan saya untuk saya melakukan pembedahan laser buasir. Memang cara laser ini tidak banyak memberikan kesakitan kepada pesakit, namun laser buasir ini hanya berkesan sekiranya buasir dalam adalah dari Gred 1(buasir yang besar) dan Gred 2. Ini hakikat semua pesakit perlu ingat dan fahami. Bukan semua jenis gred buasir sesuai untuk rawatan laser buasir.

Gred 3 dan 4 , dalam istilah perubatan "prolapsing hemorrhoids" memerlukan pembedahan lain seperti stapler hemoroiodexy atau "open hemorrhoidectomy".

Seringkali pembedahan hybrid terpaksa di lakukan dimana laser di gunakan bersama pembedahan open hemoroidectomy untuk gred buasir 3 atau 4. Kesan haba dari laser ini tidak boleh mengurangkan saiz buasir dari segi fibrosis, namun bahagian "prolapse" atau unjuran yang terkeluar tidak dapat di kurangkan. Cuma dengan cara memotongkan buasir berkenaan dapat merawat bahagian unjuran atau prolapse ini.

Tetapi sebelum itu, tahukah anda bagaimana buasir ini boleh berlaku dan pernah juga saya huraikan sebelum ini. Lazimnya kebanyakkan pesakit yang ber-

Rawatan laser buasir semakin popular di Malaysia Apakah yang anda perlu tahu tentang rawatan ini?



jumpa dengan saya dan buasir ini berpunca daripada sembelit berlamaan dan juga kesan meneran berlamaan dan kerap semasa membuang air besar. Wanita mengandung mungkin mengalami buasir kerana pembesaran janin menyebabkan tekanan ke bahagian dubur. Kesemua keadaan tersebut menyebabkan penambahan

tekanan kepada salur vena di rektum dan dubur dan ini menyebabkan pembengkakan dan pembesaran "Laser buasir" atau dalam istilah perubatan "laser hemoroiodoplasty" adalah salah satu daripada beberapa rawatan untuk buasir, di mana laser yang khas di gunakan di dalam buasir dan dari kesan haba yang di pancarkan di

hujung diob, buasir ini akan mengecut.

Kesan dari mengecut inilah atau fibrosis akan dapat mengurangkan saiz buasir tersebut. Disebabkan kesan haba dari laser ini, buasir tersebut akan membesar dari biasa untuk 24 atau 48 jam. Kesan haba ini akan hilang selepas jangka masa ini dan tindakan mengecut dari haba akan bermula.

Disebabkan dengan fenomenan inilah buasir yang bersimptom jenis Gred 1 dan Gred 2 sesuai untuk menjalani rawatan laser ini berbanding gred 3 atau 4.

Kebaikkaan kaedah laser ini ialah ianya kurang memberi kesan kesakitan., pesakit akan merasa lega dengan cepat dan pembuangan najis yang selesa dapat dilakukan tanpa memberi kesan kesakitan di dubur. Namun seperti pembedahan lain, laser buasir ada risikonya juga. Pesakit boleh berdarah secara banyak dari lubang yang di buat di buasir tersebut untuk memasukkan diob tersebut. Juga jika lubang tersebut di buat berdekatan kulit anus, ianya boleh membengkak dan memberi kesan kesakitan kepada pesakit. Inilah risiko yang setiap pesakit perlu ketahui sebelum menjalani rawatan laser ini.

Sekiranya anda perlu mengetahui lebih lanjut bertentangan rawatan laser buasir ,anda boleh berhubung dengan Dr Shankar Gunarasa, Pakar Bedah Umum, Laparoskopi dan Kolorektal di Pantai Hospital Ayer Keroh Melaka di talian 06 2319999 Samb; 2131.



Flor de la Mar

'Bunga Lautan' yang belum ditemui

FIQA JAMAL

MUZIUM Samudera atau dikenali sebagai Flor De La Mar mempunyai sejarah dan misterinya tersendiri yang sehingga kini masih belum ditemui.

Kapal Flor de la Mar bermaksud 'Bunga Lautan' merupakan sebuah kapal perang yang besar milik Portugis yang belayar di samudera sekitar tahun 1500-an dengan berat 400 tan serta dipercayai dibina pada tahun 1502.

Kapal itu juga dikatakan mempunyai rekod perkhidmatan yang cemerlang dalam beberapa pertempuran laut yang memberi kesan pada penjajahan Portugis di Asia Tenggara.

Antara pertempuran adalah pada tahun 1509 apabila kapal itu terlibat dalam serangan ke atas pelabuhan Diu di India yang dimenangi oleh Portugis sehingga Portugis mengawal jaluan lautan Hindi.

Sekali gus kapal itu juga yang membantu Portugis menakluk Melaka dan menjadi titik tolak kedatangan Portugis ke Melaka.

KAPAL TERBAIK DUNIA

Ketika dibina, kapal tersebut dikatakan merupakan kapal terbaik dengan penggunaan teknologi moden pada ketika itu.

Pertama kali Flor de la Mar belayar dari Lisbon ke Indian di bawah kendalian

Estevo da Gama anak kepada Vasco da Gama dan kapal itu pulang ke Portugal sarat dengan rempah dari India.

Seterusnya, kapal itu kembali ke India dengan kendalian Joao da Nova namun perjalanan itu tidak selancar pelayaran sulung selepas Flor de la Mar singgah di Mozambique dan tersadi selama setahun bagi kerja-kerja pembawaan.

KARAM DALAM PERJALANAN BAWA HARTA

Pelayaran kapal itu ke Melaka untuk menakluk Melaka di kendali oleh Gabenor Portugis, Alfonso de Albuquerque yang mana Alfonso diberikan tugas untuk mengetuai rombongan terabit.

Berikutnya Portugis berhasil menakluk Melaka, banyak harta dari Melaka dirampas Alfonso dan berita penaklukan itu menggembirakan hati Raja Manuel I di Lisbon seterusnya menggarahkan Alfonso membawa pulang kesemua harta rampasan kerajaan Melaka menggunakan kapal terbaik pulang ke Lisbon.

Memulakan pelayaran untuk kembali ke Lisbon dengan muatan berisi koleksi harta paling besar dikumpulkan Portugis menyukarkan perjalanan Flor de la Mar.

Pada Nov 1511, pelayaran dimulakan namun hanya sempat belayar se-

lama lebih sebulan sebelum berdepan cuaca buruk ditambah ribut ketika melalui Sumatera di Selat Melaka, Flor de la Mar terbelah dua sehingga menyebabkan kapal itu tidak selamat untuk meneruskan pelayaran.

Harta yang diangkat Flor de la Mar tenggelam ke dasar lautan dan Alfonso berjaya menyelamatkan diri dengan berpaut pada rakit.

TEORI KONSPIRASI

Wujud pelbagai teori konspirasi berkenaan tenggelamnya Flor de la Mar termasuk insiden Alfonso membolot kesemua harta rampasan namun kesahihannya masih tidak dapat dipastikan.

Namun dalam pelbagai perdebatan isu ini, yang disersetujui hanyalah lokasi kapal itu karam tidak jauh dari kedudukan asal Kerajaan Aru di Sumatera, yang ketika itu menguasai sebahagian Selat Melaka.

Dan kisah Flor De La Mar difahamkan merupakan sebuah kisah sejarah penting melibatkan banyak negara di mana sehingga kini bangkai kapal itu bersama harta karun yang dianggarkan bernilai berbilion ringgit masih belum berjaya ditemui dan menjadi misteri dunia yang belum diungkap.

MUZIUM SAMUDERA

Menurut Perbadanan Mu-

zium Melaka (PERZIM) Replika kapal bersejarah Flor de la Mar yang kini dijadikan muzium di Melaka dan telah dibina pada awal tahun 1990 dan telah dirasmikan oleh Perdana Menteri Malaysia ketika itu, Tun Dr Mahathir Mohamad pada 13 Jun 1994.

Muzium tersebut terletak di Jalan Quayside berhampiran muara Sungai Melaka. Dibina berdasar-

kan replika Kapal Portugis berukuran 34 meter tinggi, 36 meter panjang dan 8 meter lebar.

Fokus utama muzium ini ialah sejarah kelautan Melaka dan zaman kegemilangan Melaka sebagai Emporium Timur. Ia juga menyingkap pergolakan politik maritim di Melaka yang membuktikan bahawa hilangnya kuasa politik maka hilanglah se-

galanya.

Pameran di muzium ini memaparkan perkembangan perdagangan dari zaman Kesultanan Melayu Melaka hingga ke zaman Kolonial Portugis, Belanda, Inggeris dan era penaklukan Jepun di Tanah Melayu. Turut dipamerkan ialah lukisan, peta lama, model kapal dan artifak berkaitan maritim dan perdagangan di Melaka.



PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA IKLAN JAWATAN KOSONG

No 40 - 48, Jalan BKD 27, Taman Bukit Katil Damai 2, Bukit Katil, 75450, Melaka. Tel : 06-2347041 Fax : 06-2347030

Peluang kerjaya bagi calon - calon warganegara Malaysia (keutamaan kepada anak Negeri Melaka) berkelayakan untuk mengisi kekosongan jawatan Akauntan Gred WA41 (Tetap) seperti berikut:-

BIL	SKIM PERKHIDMATAN	GRED	JADUAL GAJI MATRIK	KEKOSONGAN
1.	AKAUNTAN - TETAP	WA41	RM 2,820.00- RM 9,585.00	1

A. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) Warganegara Malaysia;
- (b) Berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan; dan
- (c) Mempunyai kelulusan akademik seperti berikut :

- (i) Ijazah Sarjana Muda Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya. (Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
- (ii) lulus peperiksaan akhir Badan-badan Iktisad Perakaunan yang diiktiraf oleh Kerajaan (Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00); atau
- (iii) lulus Peperiksaan Kelayakan (QE) Institut Akauntan Malaysia (MIA) (Gaji Permulaan pada Gred WA41 : RM2,820.00)

- 2. Keutamaan diberi kepada calon yang mempunyai pengalaman 3 hingga 5 tahun dalam bidang perakaunan melibatkan pembangunan harta tanah, percukaian dan lain - lain berkaitan dengannya.

- 3. Deskripsi Tugas – Mengendalikan pengurusan keseluruhan fungsi – fungsi perakaunan dan kewangan, meliputi analisis laporan kewangan serta fungsi perbendaharaan dan percukaian (langsung dan tidak langsung).

SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia / Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

B. CARA MEMOHON

- (i) Borang permohonan boleh dimuat turun dari laman web PERTAM di <http://www.pertam.gov.my/>

- (ii) Borang permohonan hendaklah disertakan dengan dokumen berikut:-

- a. Salinan Kad Pengenalan
- b. Sijil Kelahiran
- c. Sijil – sijil Keputusan Peperiksaan Persekolahan / Diploma / Ijazah atau lain – lain berkaitan.
- d. Sekeping gambar berukuran passport
- e. Salinan lesen kendaraan (bagi jawatan Pemandu Kendaraan sahaja)

- (iii) Setiap salinan sijil/dokumen hendaklah disahkan oleh Pegawai Kerajaan (Kumpulan Pengurusan & Profesional) / Pengetua Sekolah / Wakil Rakyat / Penghulu / Ketua Kampung.

- (iv) Bagi pegawai yang sedang berkhidmat dalam Perkhidmatan Awam, permohonan hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing.

- (v) Semua dokumen hendaklah dikepaskan dengan kemas bagi mengelakkan kecinciran / kehilangan dokumen. Nama jawatan yang dipohon hendaklah dicatat sebelah atas kiri sampul surat.

- (vi) Borang yang TIDAK LENGKAP DIISI / TIDAK MEMENUHI SYARAT AKAN DITOLAK. Satu borang adalah untuk satu jawatan sahaja.

- (vii) Untuk sebarang pertanyaan / keterangan lanjut, sila hubungi Bahagian Pentadbiran PERTAM di nombor telefon 06-2347041.

- (viii) Permohonan hendaklah dialamatkan kepada :

**KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF,
PERBADANAN KEMAJUAN TANAH ADAT MELAKA (PERTAM),
NO 40 - 48, JALAN BKD 27, TAMAN BUKIT KATIL DAMAI 2, BUKIT KATIL,
75450, MELAKA.**

C. TARikh IKLAN : 08 NOVEMBER 2021

D. TARikh TUTUP PERMOHONAN : 19 NOVEMBER 2021



MUZIUM Samudera di Banda Hilir yang kini menjadi tumpuan pelancong dalam dan luar negara.

Lawatan mengejut ke sekolah pantau SOP

Farah Suhaidah Othman

AYER MOLEK - Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) membuat lawatan mengejut di sekolah bagi memastikan sistem pengudaraan bilik darjah dan prosedur operasi standard (SOP) dipatuhi.

Menteri Kanan Pendidikan, Datuk Dr Mohd Radzi Md Jidin berkata, JPN mahupun PPD berhak untuk mengadakan lawatan tanpa memaklumkan kepada pihak sekolah demi memastikan pematuhan tatacara ditetapkan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM).

"Kita minta supaya JPN dan PPN supaya sentiasa turun ke sekolah tanpa memaklumkan kepada sekolah pada bila-bila masa sahaja untuk memastikan bahawa segala garis panduan disediakan (KKM) itu dapat dipatuhi dengan baik khususnya mengoptimumkan pengudaraan," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang media ketika melawat melawat Sekolah Kebangsaan (SK) Ayer Molek yang turut dihadiri Ketua Setiausaha KPM, Datuk

Yusran Shah Mohd Yusof, 1 Nov lalu.

Tambahnya, meskipun di peringkat awal terdapat kurang kefahaman mengenai keselamatan murid terutama membabitkan pengudaraan di kawasan sekolah bagi mengekang COVID-19, namun pihak sekolah harus memainkan peranan penting bagi menjamin perkara itu.

"Mereka saling berusaha untuk memastikan pengudaraan dalam bilik-bilik yang digunakan di sekolah ini berada pada tahap yang optimum," katanya.

Dalam pada itu, Mohd Radzi memaklumkan pihak sekolah juga dibenarkan membuat pemeriksaan sijik vaksinasi guru dalam aplikasi MySejahtera bagi mengekalkan penipuan.

"Tindakan ini untuk memastikan setakat mana guru yang betul divaksin, maknanya periksa satu persatu sijil vaksinasi untuk memastikan yang mana sudah divaksinkan, mana yang tidak."

"Sebab kita tidak mahu ada kes-kes tertentu yang mana ada kes di mana (guru mengatakan) ada vaksin tetapi (sebenarnya) tidak divaksinkan dan sebagainya," ujarnya.



MOHD Radzi beramah mesra dengan murid Tahun 1 Pintar SK Ayer Molek dalam lawatan kerjanya 1 Nov lalu.



MOHD Fadhil (tengah) memasukkan sisa buangan jenis plastik ke dalam tong sampah kitar semula sebagai simbolik pelancaran program Taman Sifar Sampah dan Pembuatan Baja Kompos di Taman Kasa Height, Alor Gajah.

Taman Kasa Height perintis Taman Sifar Sampah

ALOR GAJAH - Taman Kasa Height, di sini menjadi taman perintis kepada program Taman Sifar Sampah dan Pembuatan Baja Kompos melalui inisiatif Majlis Perbandaran Alor Gajah (MPAG) dalam membentuk komuniti lestari.

Yang Dipertua MPAG, Mohd Fadhil Hassan berkata, pemilihan Taman Kasa Height sebagai perintis program itu berdasarkan pergerakan aktif jawatankuasa persatuan penduduk taman itu dalam memberikan sokongan kepada program pemuliharaan alam sekitar.

Menurutnya, MPAG amat menghargai keperihatinan dan sokongan padu yang ditunjukkan oleh penduduk taman itu bagi mengerakkan program Taman Sifar Sampah di taman tersebut sekali gus menjadi contoh kepada taman perumahan lain.

"Program jalinan kerjasama antara MPAG dan persatuan penduduk ini merupakan cetusan idea dari pada Jabatan Perancangan Bandar mengikut matlamat Pembangunan Mampan 2030 dan ia merupakan langkah awal yang penting bagi

membentuk sebuah komuniti yang lestari

"Sisa Sifar merupakan satu elemen yang penting kerana semakin kurang sampah yang dihasilkan maka kita dapat memanjangkan jangka hayat tempat pelupusan sampah yang sedia ada di negeri ini iaitu di Sungai Udang," katanya.

Beliau berkata ademikian sewartu melancarkan program Taman Sifar Sampah dan Pembuatan Baja Kompos di Taman Kasa Height, Alor Gajah, 30 Okt lalu.

Selain itu, menurut Mohd Fadhil, program Taman Sifar Sampah merupakan satu inisiatif MPAG dalam menjaga, memelihara dan melindungi alam sekitar bertujuan memupuk kesedaran dalam kalangan masyarakat tentang kepentingan kitar semula dan melaksanakan pengasingan sampah.

Katanya, setiap anggota masyarakat berperanan untuk bersama-sama melestarikan alam sekitar bermula dari rumah dengan melakukan pengasingan sisa buangan dan kitar semula bagi menjamin pembangunan mampan yang berkekalan.

Remaja lemas di Pantai Puteri

PANTAI KUNDOR - Perkelahan sebuah keluarga di Pantai Puteri, di sini, berakhir tragedi apabila salah seorang ahli keluarga mereka ditemukan lemas dalam kejadian 6 Nov lalu.

Dalam kejadian kira-kirajam 11.30 pagi itu, M T Sharvin, 16, dipercayai terjatuh ke dalam laut ketika berjalan di atas batu pemecah ombak di pantai berkenaan.

Komander Operasi Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) Melaka Pengguna Kanan Bomba II Mohd Khairul Nizam Mohd Anwar berkata, sejurus menerima panggilan mengenai insiden tersebut, seramai 14 anggota telah digerakkan dari Balai

Bomba dan Penyelamat (BBP) Tangga Batu ke lokasi kejadian.

Katanya, usaha mencari dan menyelamat telah dilanjutkan sebaik tiba dan mayat mangsa akhirnya ditemui Pasukan Penyelamat di Air (PPDA) kira-kira jam 2.30 petang.

"Mayat mangsa ditemukan kira-kira 30 meter dari tepi pantai oleh PDPA selepas hampir tiga jam pencarian yang turut dibantu orang awam," katanya.

Beliau berkata, mayat mangsa kemudiannya dihantar ke Jabatan Perubatan Forensik Hospital Melaka untuk bedah siasat sebelum dituntut oleh waris keluarga.



MAYAT mangsa yang lemas ditemukan kira-kira 30 meter dari tepi pantai oleh PDPA.

KUALA LUMPUR - Felcra Bhd (FELCRA) mengumumkan keuntungan Interim 2/2021 berjumlah RM251.51juta untuk projek-projek Penyatuan dan Pemulihian (P&P) FELCRA, bagi tempoh kewangan dari 1 Mei hingga 31 Ogos 2021.

Dalam kenyataan pada 6 Nov lalu, FELCRA memaklumkan keuntungan yang dianakan melonjak 155 peratus atau RM 152.94 juta lebih tinggi berbanding dengan RM98,565,49, iaitu keuntungan yang direkodkan dalam interim yang sama pada 2020.

Menurut FELCRA, daripada jumlah keuntungan tersebut, seramai 68,930 peserta dari 719 projek yang mencatatkan keuntungan akan menerima agihan interim 2/2020 berjumlah RM131.54 juta secara berperingkat bermula 6 Nov ini.

"Merangkumi tempoh Mei hingga Ogos, agihan bulanan berjumlah RM17.08 juta telah dibayar, menjadikan jumlah besar bayaran agihan interim 2/2021 tercatat sebagai RM148.62 juta.

"Seperti tahun-tahun sebelum ini, baki lebihan keuntungan akan dibayar bersama agihan akhir tahun 2021 setelah penyelarasan akaun dan tabungan dibuat," menurut FELCRA.

Pengerusi FELCRA Datuk Ahmad Jazlan Yaakub berkata hasil kegigihan warga kerja FELCRA serta harga komoditi yang tinggi telah menyumbang kepada kejayaan FELCRA dalam menjana keuntungan yang lebih positif berbanding Interim 2/2020.

"Dari padajumlah keuntungan yang di-

janakan untuk tempoh Mei hingga Ogos 2021, FELCRA boleh mengagihkan sejumlah RM148.7 juta kepada peserta yang layak berbanding agihan RM61.1 juta bagi tempoh yang sama pada 2020.

"Jumlah ini merangkumi agihan interim 2/2021, serta agihan bulanan yang telah dibayar bagi tempoh Mei hingga Ogos 2021," katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Eksekutif Kumpulan FELCRA, Datuk Mat Roni Zakaria berkata walaupun FELCRA mencatatkan keuntungan yang lebih baik bagi Interim 1 dan Interim 2 tahun 2021 berbanding 2020, FELCRA terus tekad dalam memperbaiki usaha di setiap ladang yang diuruskan, dari Perlis hingga ke Sabah, terutamanya kadar produktiviti, tahap efisiensi dan kos operasi pengurusan ladang para peserta.

"Kenaikan harga komoditi di pasaran dunia yang disebabkan kekurangan bekalan minyak sawit mentah dan impak COVID-19 turut melahirkan peluang untuk anak-anak tempatan yang ingin 'berhijrah' ke sektor perladangan, terutamanya generasi kedua FELCRA yang ingin berbakti ke tanah meneruskan legasi ibubapa mereka.

"FELCRA terus komited dalam menyediakan sehingga 2,500 peluang pekerjaan sebagai Operator Penuaian di seluruh Negara untuk memenuhi keperluan penuaian dan pengurusan pokok, dengan menawarkan pulangan yang lumayan serta pelbagai insentif bagi mereka yang berminat," katanya. - BERNAMA

FELCRA catat untung RM251.51j



WISMA Felcra.

Pembentangan khas bantu PKS terjejas



KUALA LUMPUR - Bank Simpanan Nasional (BSN) akan terus memperluas usaha membantu pelanggan bersasar melibatkan semua kumpulan pendapatan, perusahaan mikro serta perusahaan kecil dan sederhana (PKS) melalui pengendalian beberapa pembiayaan khas di bawah Bajet 2022.

Ketua Eksekutif BSN Jay Khairil berkata, ini termasuk tawaran pembiayaan khas Skim Mikro Kredit di bawah Skim Semarak PKSKeluarga Malaysia - Mikrokredit BSN dengan dana berjumlah RM800 juta.

"Pengusaha mikro boleh membuat pinjaman sehingga RM75,000 pada kadar sifar peratus untuk enam bulan pertama berserta kemudahan moratorium sehingga enam bulan dengan tempoh pinjaman sehingga lima tahun," katanya dalam kenyataan hari ini.

Menurut Jay, skim itu turut ditawarkan kepada golongan belia yang mahu mencebur ke bidang keusahawanan serta pengusaha fasiliti sukan yang berhasrat mendapatkan pembiayaan bagi meringankan keperluan kewangan mereka.

Dalam pada itu, BSN juga akan terus menjadi penyelaras Skim Geran Pendigitalan

PKS dengan jumlah dananya kini dinaikkan kepada RM200 juta, termasuk RM50 juta khusus untuk usahawan mikro Bumiputera di luar bandar bagi meningkatkan lagi penerapan digital dalam kalangan PKS.

"BSN turut menawarkan pembiayaan perniagaan dengan dana sebanyak RM100 juta melalui pelaburan ekuiti dan kuasi-ekuiti.

"Jumlah ini adalah sebahagian daripada RM600 juta yang disediakan bagi dana pembiayaan perniagaan yang diterajui oleh SME Bank dengan kerjasama BSN dan TERAJU (Unit Peneraju Agenda Bumiputera)," katanya.

Beliau berkata, pelanggan juga boleh mendapatkan Kemudahan Bantuan dan Pemulihian Bersasar (TRRF) yang kini dibuka sehingga 31 Dis, 2021 bagi PKS sektor perkhidmatan yang terjejas akibat COVID-19 sejak Jun 2020 (kecuali subsektor pelancongan dan berkaitan).

"Kemudahan pinjaman mikro untuk modal kerja dan pembelian aset disediakan sehingga RM50,000 dan perusahaan mikro terbabit perlu beroperasi sekurang-kurangnya enam bulan," katanya. - BERNAMA

PEKERJA AWAM

(Pembersihan / Persiapan Majlis)

JAWATAN KOSONG

KEKOSONGAN : 1 KEKOSONGAN (WANITA)

GAJI DITAWARKAN : RM1,200.00
ELAUN BULANAN : RM300.00

Hari Bekerja / Cuti Mingguan (Alternate Mengikut Keperluan Semasa Pihak Pengurusan)

- ▶ Lokasi : Ayer Keroh, Melaka
- ▶ Waktu bekerja biasa: 8.30 pagi hingga 5.30 petang
- ▶ Waktu bekerja separuh hari - 8.30 pagi hingga 12.30 tengahari
- ▶ 5 ½ hari bekerja & 1 ½ hari cuti

Kriteria yang diperlukan:

- ▶ Pekerja wanita/lelaki yang berpengalaman untuk kerja-kerja pembersihan premis perniagaan (dewan & rumah penginapan) serta persiapan majlis perkahwinan, ceramah, seminar dan sebagainya.

Manfaat yang akan diperolehi:

- ▶ KWSP
- ▶ SOCSO

CARA MEMOHON:

Sekiranya berminat tuan/puan boleh menghubungi nombor **06-232 3434** untuk keterangan lanjut.

Bayaran balik pinjaman AIM kembali seperti biasa



BUTTERWORTH - Bayaran balik pinjaman oleh peminjam atau Sahabat Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) kini kembali seperti biasa selepas tempoh moratorium yang diberikan sebelum ini tamat pada Ogos lepas.

Pengerusi AIM, Datuk Shabudin Yahaya bagaimanapun berkata, terdapat sebilangan kecil peminjam yang memohon untuk menangguhkan bayaran balik pinjaman atas faktor tertentu.

"Keseluruhannya, proses bayar balik (pinjaman AIM) sudah kembali kepada rutin asal. "Tetapi, ada sesetengah kes yang memerlukan perhatian khusus dari segi pembayaran balik kerana ada dalam kalangan peminjam mengalami kesulitan disebabkan pandemik dan sebagainya."

"Boleh dikatakan sebanyak satu per-

atussahaja," katanya pada sidang media selepas majlis penyampaian sumbangan kepada pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta 2020-2021 Parlimen Tasek Gelugor, 5 Nov lalu.

Menurut Shabudin, peminjam yang mengalami kesulitan dalam membuat bayaran balik akan dirujuk kepada pihak pengurusan AIM sama ada di peringkat cawangan maupun negeri untuk rundingan, penilaian dan tindakan lanjut.

AIM memberikan moratorium selama tiga bulan bermula sejak penguatkuasaan Perintah Kawalan Pergerakan 3.0 pada Mei lepas, membabitkan sejumlah RM577.3 juta yang telah memanfaatkan seramai 378,507 Sahabat AIM di seluruh negara. - BERNAMA

Juara Olimpik bina pusat latihan di Kesang Tua

JAGUH angkat berat Filipina Hidilyn Diaz bakal membina sebuah pusat latihan di Kampung Kesang Tua, di sini, dengan menaik taraf kemudahan sedia ada bagi pembangunan sukan itu sebagai tanda penghargaan serta terima kasih kepada Melaka.

Naib Presiden Persatuan Angkat Berat Malaysia (PABM) Ahmad Janius Abdullah berkata pemenang pingat emas Olimpik pertama Filipina itu, yang sedang menjalani kuarantin di kampung berkenaan menyatakan hasratnya, selain memperuntukkan wang sendiri berjumlah RM 100,000 bagi merealisasikan projek tersebut.

"Malam tadi beliau menghubungi saya dan berbincang mengenai hasratnya menaik taraf tempat berlatih untuk digunakan oleh atlet angkat berat negara ini."

"Beliau memaklumkan atlet Filipina turut berminat mengadakan latihan di pusat berkenaan, sebagai persediaan mereka menghadapi pelbagai kejohanan."

"Beliau meminta saya untuk bertemu dengan kontraktor pada hari ini bagi membina dewan gimnasium angkat berat dan asrama

untuk kemudahan atlet menginap di situ, selain mahu projek pembinaan itu dipercepatkan," katanya.

Hidilyn tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) pada Sabtu lepas seterusnya menjalani kuarantin di Kampung Kesang Tua hingga 5 Nov.

Mengulas lanjut, Ahmad Janius berkata usaha itu sewajarnya dimanfaatkan sepenuhnya oleh atlet negara ini, untuk menimba ilmu dan pengalaman berlatih bersama juara Olimpik tersebut di samping melahirkan atlet yang mampu diketengahkan sekali gus mengembalikan kegemilangan sukan angkat berat di Malaysia.

"Bahkan selepas kejayaan Hidilyn yang mendapat liputan meluas, pihak kita juga menerima permintaan daripada beberapa persatuan angkat berat seperti dari Thailand dan India, yang mahu turut serta berlatih di tempat sama."

"Sejak rentas negeri dibenarkan, kita turut menerima kunjungan dan rombongan daripada pelbagai pihak untuk bergambar di tempat latihannya," katanya.

Sebelum ini, nama Kampung Kesang Tua menjadi tumpuan su-



HIDILYN yang juga pemenang pingat emas Olimpik Tokyo sebelum ini pernah tular berlatih di Kampung Kesang Tua, Jasin. (FOTO: Ihsan Facebook Hidilyn Diaz)

sulan kemenangan atlet berusia 30 tahun itu di temasya Olimpik Tokyo baru-baru ini, selepas Hidilyn dikatakan terkandas dan menjalani latihan di Malaysia sejak Januari tahun lepas berikut se-

katan pergerakan akibat penularan COVID-19.

Kejayaan wanita berasal dari Zamboanga City itu turut menjadi kebanggaan keluarga angkatnya di Kampung Kesang Tua, yang meng-

habiskan masa bersama Hidilyn lebih setahun lepas di rumah berkenaan selain berkesempatan menghantar Hidilyn dan pasukannya ke KLIA untuk berlepas ke temasya Olimpik Tokyo. - BERNAMA

**KADAR TETAP SERENDAH
2.38%
setahun**

PENDIDIKAN **PELABURAN** **MENAMBAHBAIK RUMAH**

Nikmati tawaran hebat

Kempen Akhir Tahun Pembiayaan Peribadi BSN MyRinggit/i

Ansuran bulanan rendah

Kadar keuntungan menarik

Untuk maklumat lanjut, sila hubungi:
 Pengurus Wilayah Jasin (En. Azian Minhat 019 6567466)
 Pengurus Wilayah Melaka Tengah (Pn. Rahimah Sulaiman 016 6292632)
 Pengurus Wilayah Alor Gajah (En. Mohd Shahril Mohd Sharif 019 6303952)

Tempoh Pembiayaan Maksimum adalah 10 Tahun.
 Nota: 2.38% kadar tetap untuk tempoh pembiayaan 3 tahun (bersamaan KA* + 1.92%).
 *Kadar Asas (KA) BSN semasa ialah 2.60% (berkuat kuasa dari 15 Julai 2020).

Tempoh Kempen: 1 Oktober - 31 Disember 2021

Gambar sekadar ilustrasi. Tertakluk pada terma dan syarat.

IMBAS DI SINI UNTUK KETAHUI LEBIH LANJUT

Hidilyn
balas jasa
orang Melaka
123

Sukan

MELAKA HARI INI

E-SUKAN mula menjadi fenomena di seluruh negara.
(Kredit foto: www.tapscape.com)

e-Sukan Piala TYT Kingsmen, MAB King, FRIXX muncul juara sulung

Fiqa Jamal

PASUKAN Kingsmen, MAB King dan pemain individu, FRIXX dinobat sebagai johan kejohanan sulung e-Sukan (Esports) Piala Yang di-Pertua Negeri Melaka, mengikut tiga platform permainan berbeza, pada 31 Okt lepas.

Untuk platform permainan Valorant, pasukan Kingsmen tiada masalah bergelar juara selepas mengetepikan pasukan Scytes dalam aksi final.

Manakala tempat ketiga menjadi milik pasukan dari Thailand, Wicked Berg dan pasukan K.F.C terpaksa akur di tempat keempat.

Bagi platform permainan Mobile Legends Bang Bang (MLBB) pula menyaksikan pasukan pilihan, MAB King menepati ramalan, ungguli gelaran juara selepas menewaskan

pasukan Anonymouz dalam perlawanan akhir yang berlangsung 31 Okt lalu.

Tempat ketiga jatuh kepada pasukan Qualified Pipol dan tempat keempat diduduki Team Haq.

Platform permainan F1 2021 pula menyaksikan pemain individu, FRIXX ungguli juara keseluruhan, manakala ERD_MiorHafiz di tempat kedua dan tempat ketiga jatuh kepada peanutS.

Sementara itu, kejohanan yang dianjurkan Persatuan e-Sukan Negeri Melaka (MEA) dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) itu, menawarkan hadiah keseluruhan bernilai RM20,000.

Berlangsung pada 28 hingga 31 Okt lepas, kejohanan ini turut disertai 14 pasukan dari luar negara seperti, Filipina (empat pasukan), Singapura (tiga), Indonesia (tiga), Thailand (tiga) dan satu dari Laos.



JUARA platform permainan Valorant, pasukan Kingsmen.



JUARA platform permainan MLBB, pasukan MAB King.



PENGANJURAN kejohanan e-Sukan Piala Yang di-Pertua Negeri Melaka merupakan julung kali diadakan oleh MEA dengan kerjasama KBS.

PIALA MALAYSIA	
TARIKH PENTING TM PIALA MALAYSIA	
KUMPULAN	25 SEP - 10 NOV
SUKU AKHIR 1	14 NOVEMBER
SUKU AKHIR 2	18 NOVEMBER
SEPARUH AKHIR 1	22 NOVEMBER
SEPARUH AKHIR 2	26 NOVEMBER
AHKIR	30 NOVEMBER

* Sebarang perubahan dan pindaan jadual adalah tertakluk keputusan Ahli Lembaga Pengarah-MFL

www.melakahariini.my | Facebook | Instagram | Melaka Hari Ini | Melaka Tv | Grafik : Melaka Hari Ini | Sumber : Malaysian Football League (MFL)